SKEMA JAWAPAN - BAHAGIAN A (TAMADUN DUNIA)

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh khusus, bandingkan ciri-ciri masyarakat zaman Paleolitik dan Neolitik

Pendahuluan (3 markah)

1 Zaman prasejarah dikatakan sebagai **sebahagian masa silam manusia yang tidak dicatatkan dalam bentuk tulisan** iaitu sebelum sejarah ataupun sejarah silam manusia **sebelum wujudnya rekod-rekod bertulis.** Bukti-bukti zaman prasejarah diperolehi melalui kajian **terhadap artifak** dan **fosil-fosil** yang dilakukan oleh ahli-ahli arkeologi.

2 Ahli-ahli arkeologi atau ahli kaji purba telah menjumpai dan mengenalpasti **beberapa tapak masyarakat zaman pra-sejarah** di **benua Afrika** iaitu kebudayaan Sangoans di Afrika Tengah dan Selatan, kebudayaan Fauresmith di Afrika Timur, Rhodesia dan Afrika Selatan yang berlangsung sejak dua juta tahun lampau, di **Eropah Barat** bermula sejak setengah juta tahun lalu di Perancis dan Sepanyol Utara , di **Asia** sejak sejuta tahun lampau di Choukoutien, China Utara – Pithecanthropus Pekinensis dan di Jawa, Indonesia. Masyarakat zaman prasejarah turut ditemui di **Rusia** sejak 100,000 tahun dahulu, di **Australia** sejak 40,000 tahun dahulu dan di **Amerika Syarikat** sejak 20,000 tahun dahulu.

Penemuan-penemuan artifak-artifak dan fosil-fosil daripada tapak-tapak kajian arkeologi seperti tulang-tulang manusia dan haiwan serta alat perkakasan, tempat kediaman, sumber makanan, lukisan, organisasi sosial dan kepercayaan agama telah dikaji dan dikatakan menjadi asas kepada corak kehidupan yang berbeza antara zaman Paleolitik Awal dan Akhir, Mesolitik dan Neolitik. Di samping itu, manusia **Homo sapiens** dikatakan muncul pada zaman geologi Pleistocene.

3. Zaman Paleolitik merupakan zaman prasejarah awal manakala zaman Neolitik adalah zaman prasejarah akhir. **Zaman Paleolitik** dikatakan bermula sekitar tahun **500,000 SM hingga 10000 SM** dan dibahagikan kepada dua iaitu Zaman Paleolitik Awal dan Zaman Paleolitik Akhir. Empat spesies manusia yang penting pada zaman ini ialah **Pithecanthropus Erectus** (Jawa Man), **Sinanthropus Pekinensis** (Peking Man **), Fontechevade** dan **Homo Neanderthalensis**. **Zaman Neolitik** pula dianggarkan bermula sekitar tahun **7000 SM** apabila manusia mula bergantung kepada pertanian sebagai sumber makanan utama dan dikatakan berakhir pada **3500 SM** setelah munculnya Tamadun Mesopotamia di Lembah Sungai Tigris dan Euphrates.

Isi-isi (5 isi x 4 markah = 20 markah)

1 Tempat Tinggal / Petempatan

Paleolitik

Masyarakat zaman Paleolitik **hidup secara berpindah randah** atau nomad dan **bergantung hidup kepada sumber-sumber alam sekitar**. Mereka tinggal di dalam **gua, lubang bawah tanah** dan **pondok-pondok** yang mereka bina daripada ranting-ranting kayu. Sebagai contohnya, penempatan masyarakat Paleolitik terletak di **Gua Niah** (Sarawak), **Kota Tampan** (Perak) dan **Gua Tingkayu** (Sabah)

Neolitik

Berbeza dengan petempatan masyarakat Neolitik pula mereka tinggal secara **tetap** di kampung-kampung berhampiran dengan **lembah-lembah sungai yang subur** dan menjalankan aktiviti **bercucuk tanam** dan **menternak binatang**. Masyarakat zaman Neolitik ini sudah pandai membina **rumah** daripada **tanah liat** dan **pondok-pondok** daripada **ranting-ranting kayu** Perkembangan petempatan ini melahirkan perkampungan sebagai contoh **Gua Gomantong** (Sabah) dan **Jenderam Hilir** (Selangor)

2. Kegiatan Ekonomi Utama

Paleolitik

Masyarakat zaman Paleolitik adalah merupakan **pengguna kepada sumber-sumber alam sekitar**. Mereka hidup secara nomad dan mengembara untuk mencari makanan. Dalam hal ini, mereka menjalankan aktiviti **mengutip hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan.** Mereka memburu dalam kumpulan kecil hasil buruan akan dikongsi bersama. Secara umumnya, mereka adalah merupakan **parasit persekitaran** dan menjalankan sistem ekonomi bercorak **saradiri**.

Neolitik

Dalam aspek kegiatan ekonomi, masyarakat Neolitik pula telah mengalami **perubahan yang amat ketara** jika dibandingkan dengan masyarakat zaman Paleolitik. Mereka bukan lagi sebagai pengguna kepada alam sekitar tetapi telah berubah kepada **pengeluar makanan**. Dalam hal ini, mereka telah mula menjalankan **aktiviti pertanian** seperti **bercucuk tanam dan menternak binatang**. Kehidupan secara nomad telah berhenti dan mereka telah mula hidup secara menetap di kampung-kampung berhampiran dengan lembah-lembah sungai utama. Tercetusnya **revolusi pertanian** telah menyebabkan berlakunya **lebihan dalam hasil-hasil pertanian** dan ini telah menyebabkan munculnya **aktiviti perdagangan** yang berkonsepkan **sistem barter.** Perkembangan sistem perdagangan telah menyebabkan berlakunya hubungan dengan masyarakat luar dan ini telah menyebabkan berlakunya pertukaran dan perkembangan idea dan teknologi baru

3. Teknologi peralatan

Paleolitik

Masyarakat pada zaman Paleolitik mempunyai kemahiran dalam membuat peralatan daripada **batu, kayu** dan **tulang-tulang haiwan**. Sebagai contohnya, **kapak genggam atau flaked tools** digunakan untuk pelbagai tujuan dan berfunsi sebagai **pisau, gergaji** dan **kapak.** Alat-alat batu ini digunakan untuk **memburu, mengutip hasil hutan, senjata** dan mungkin sebagai **perhiasan**. Peralatan pada zaman ini adalah **ringkas** dan **kasar** dari segi pembuatannya. Kaedah yang mereka gunakan adalah secara merepih. Fungsi peralatan batu ini adalah terhad sesuai dengan tahap teknologi masyarakat pada zaman itu yang masih lagi rendah atau primitif.

Neolitik

Berbeza dengan teknologi peralatan dalam masyarakat zaman Neolitik yang telah mengalami **perubahan yang ketara**. Mereka telah mempunyai kemahiran dalam menghasilkan peralatan daripada **batu** yang **lebih halus** dan **kompleks.** Masyarakat zaman ini telah mampu membuat pelbagai alat yang terdiri daripada **sabit, cangkul** dan **tenggala** daripada batu yang mempunyai nilai-nilai teknologi dan estetika yang lebih tinggi daripada zaman sebelumnya. Penciptaan **roda** contohnya, telah memaju dan meningkatkan pengeluaran hasil makanan dan memudahkan urusan harian. Teknologi pembuatan **tembikar** pula telah menandakan satu gejala perubahan baru dalam kehidupan masyarakat dan alatan ini digunakan untuk menyimpan bijirin, makanan, air dan memasak. Di samping itu, penemuan dan penggunaan **layar** telah menyebabkan aktiviti perdagangan dapat dimajukan dan berkembang dengan pesat.

4. Organisasi sosial

Paleolitik

Masyarakat zaman Paleolitik **belum lagi mempunyai organisasi sosial.** Hal ini disebabkan mereka masih lagi hidup dalam keadaan nomad dan mengembara. Bagi memenuhi keperluan ekonomi, mereka berada dalam **kelompok kecil** yang terdiri daripada **gabungan beberapa keluarga asas**.

Neolitik

Berbeza dengan masyarakat zaman Neolitik yang tellah mula membentuk **organisasi sosial yang mudah**. Kesan daripada **Revolusi Pertanian** telah menyebabkan masyarakat pada zaman ini mula hidup secara menetap dan bilangan penduduk di sesuatu kawasan telah semakin ramai. Dalam hal ini, telah wujud **ketua keluarga** dalam setiap rumah dan di peringkat kampung telah diadakan jawatan **ketua kampung** yang berperanan menjaga ketenteraman dan keamanan kampung serta menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kegiatan pertanian dan sebagainya. Kewujudan pengkhususan kerja pada zaman ini telah memulakan pembentukan masyarakat **kelas atasan** dan **bawahan**.

5. Agama dan kepercayaan

Paleolitik

Masyarakat berkebudayaan Paleolitik mempunyai dan mengamalkan kepercayaan berunsurkan **animisme.** Dalam hal ini mereka beranggapan semua benda terutamanya alam sekitar mempunyai kuasa dan roh. Oleh itu, mereka cukup takut kepada petir dan kilat dan berpendapat unsur-unsur alam ini mampu mempengaruhi kehidupan mereka. Lantaran itu, mereka mula menyembah dan cuba berdamai dengan unsur-unsur alam atau animisme ini.

Neolitik

Manakala agama dan kepercayaan masyarakat zaman Neolitik mula berubah dan berkembang maju. Dalam hal ini, masyarakat zaman Neolitik mula belajar untuk **menguasai alam sekeliling** terutamanya **unsur-unsur alam sekitar**. Perbagai amalan atau upacara ritual telah diadakan dan yang pentingnya ialah mereka dapat berdamai dengan alam sekitar bagi mengelakkan bencana alam seperti banjir dan kemarau serta wabak penyakit. Sebagai contohnya, mereka menjalankan upacara **penyembahan dewa-dewi** bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan dan supaya hasil pertanian yang mereka usahakan akan bertambah berlipat kali ganda. Mereka juga mula tahu bagaimana untuk menguruskan mayat saudara mara mereka yang telah meninggal dunia. **Mayat-mayat dikendalikan dengan teliti** dan **dikebumikan dengan sempurna**. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat zaman Neolitik telah mula maju dalam aspek kepercayaan dan turut memberikan sumbangan dan kesan kepada kepercayaan zaman tamadun-tamadun awal yang bercorak politiesme.

6. Kesenian / kebudayaan

Paleolitik

Ciri-ciri masyarakat zaman Paleolitik seterusnya adalah keseniaan dan kebudayaan. Masyarakat zaman Paleolitik mengamalkan kesenian bercorak **idealisme**. Dalam hal ini, Mereka mula mempunyai kemahiran **melakar ukiran, melukis** dan **menghasilkan mural.** Lukisan atau lakaran yang mereka hasilkan di dinding-dinding gua dan kulit-kulit pokok adalah gambar-gambar yang datangnya daripada binatang-binatang buruan mereka seperti rusa, harimau dan gajah. Bentuk-bentuk kesenian yang diamalkan oleh masyarakat zaman Paleolitik ini adalah berkaitan dengan kehidupan mereka sehari-hari. Ringkasnya, seni Paleolitik adalah berdasarkan **realisme yang mereka lihat** dan **alami sendiri**.

Neolitik

Kesenian zaman Neolitik adalah berbeza sekali dengan zaman Paleolitik. Ini dapat dibuktikan dengan kesenian pada zaman Neolitik yang bercorak **simbolisme** serta mempunyai **unsur-unsur abstrak**. Hal ini dapat dilihat dan ditunjukkan pada permukaan tembikar-tembikar yang dihias dengan pola-pola geometrik dan simbolik

dan ini menunjukkan satu gejala baru yang memperlihat pemikiran masyarakat ini yang semakin maju dan mula berdasarkan pemikiran konseptual.

7 Corak hidup

Paleolitik

Masyarakat Paleolitik mengamalkan corak **hidup nomad** atau berpindah randah. Hal ini adalah untuk memenuhi keperluan ekonomi melalui aktiviti memburu, mengutip hasil hutan dan menangkap ikan secara berkumpulan. Oleh kerana mereka menjalankan kehidupan yang mudah dan simple maka mereka **tiada barang-barang perhiasan** dan **tidak mempunyai memiliki harta**. Sebagai buktinya, mereka hanya tinggal di gua-gua dan hanya bergantung sepenuhnya kepada sumber-sumber alam sekitar

Neolitik

Perubahan yang ketara dalam aspek corak hidup telah mula berlaku pada zaman Neolitik. Kesan daripada perkembangan revolusi pertanian, masyarakat Neolitik sudah mula hidup secara lebih selesa dengan **memiliki harta benda**. Sebagai buktinya, mereka mula memiliki **tanah-tanah pertanian** dan juga **binatang-binatang ternakan** bagi memastikan bekalan makanan mereka tidak terputus. Bagi memastikan keselamatan mereka, mereka sudah mula **mencipta senjata-senjata** seperti kapak dan pisau untuk mempertahankan diri. Perkembangan yang amat ketara dalam corak hidup mereka ialah **mereka mula tinggal di rumah-rumah** yang mereka bina daripada **tanah liat** di lembah-lembah sungai dan golongan wanita terutamanya, mula memakai barang-barang perhiasan seperti gelang, subang dan rantai bagi tujuan kecantikan dan keagamaan.

8. Pengkhususan pekerjaan

Paleolitik

Masyarakat zaman Paleolitik **tidak mempunyai pengkhususan kerja**. Semua pekerjaan dilakukan sendiri oleh mereka secara bersama-sama dalam kumpulan kecil. Jumlah mereka yang sedikit dan sering berpindah randah menyebabkan pengkhususan pekerjaan tidak wujud dan tidak praktikal.

Neolitik

Berbeza dengan masyarakat zaman Neolitik yang telah **mula mempunyai pengkhususan kerja**. Hal ini dapat dibuktikan, dengan wujudnya pengkhususan pekerjaan berdasarkan perbezaan **peranan** yang dimainkan oleh **golongan lelaki** dan **wanita.** Golongan lelaki menjalankan aktiviti yang memerlukan tenaga yang kuat seperti mengusahakan ladang-ladang pertanian manakala golongan wanita menguruskan urusan rumahtangga dan kerja-kerja yang mudah. Perkembangan Revolusi Pertanian juga telah menyebabkan perkembangan dalam aspek pengkhususan pekerjaan di mana telah lahir golongan **petani** yang menjalankan aktiviti bercucuk tanam dan menternak binatang serta golongan **artisan** yang

mempunyai kemahiran membina rumah dan membuat peralatan-peralatan senjata dan pertanian.

9. Institusi Politik

Paleolitik

Tidak wujud institusi politik pada zaman Paleolitik.

Neolitik

Kemajuan dalam bidang pertanian telah menyebabkan munculnya **institusi politik** kerana **sistem pentadbiran yang teratur** bagi mengawasi kerja-kerja pembinaan empangan, terusan atau tali air. Dalam hal ini, **ketua-ketua** dilantik untuk **mengarahkan kerja-kerja pembinaan** dan **penyelenggaraan terusan** dan **tali air** di samping berperanan untuk **menyelesaikan masalah** yang berkaitan dengan **pertanian** dan **pertikaian** mengenai hak milik tanah. Perkembangan ini menyebabkan mula munculnya sistem pentadbiran yang bertujuan untuk menyelesaikan hak-hak masyarakat yang semakin kompleks, menjamin pengagihan yang lebih seimbang dan mewujudkan kawalan dan keselamatan sosial dari ancaman musuh

Kesimpulan (2 markah)

Berdasarkan huraian di atas, jelas ternyata bahawa masyarakat zaman prasejarah telah mengalami **satu kemajuan yang pesat** dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Bermula dengan masyarakat Paleolitik , yang merupakan masyarakat **pengguna alam sekitar** kepada masyarakat **pengeluar makanan** yang lebih maju pada zaman Neolitik. Perkembangan Revolusi Pertanian telah mengubah hidup masyarakat pada zaman Neolitik ke arah hidup yang **lebih kreatif** dan **inovatif**. Hal ini dapat dibuktikan dengan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat ini dalam aspek sosial, ekonomi, politik , sosial dan sebagainya sehingga menjadi **asas** kepada **kemunculan tamadun-tamadun awal manusia** di **Mesopotamia, Mesir, Mohenjo-Daro & Harappa** dan **Hwang Ho.**

* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai

2. Huraikan tentang agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Tamadun Mohenjo-Daro dan Harappa (Lembah Indus).

Pendahuluan (3 markah)

1. Istilah agama dikenali sebagai ***religion*** dalam bahasa Inggeris yang berasal daripada perkataan Latin ***religare.*** Istilah **agama** dalam bahasa Melayu berasal daripada bahasa **Sanskrit** agama yang bermaksud **jalan untuk memperolehi keredaan Tuhan** dan **kepercayaan** pula adalah bermaksud **sesuatu yang dianggap sebagai benar**.

2. Agama merujuk kepada segala **kepercayaan terhadap Tuhan, dewa** dan **roh nenek moyang** serta **kebaktian** dan **kewajipan** yang berkaitan dengannya. Ahli-ahli sosiologi mentakrifkan agama sebagai satu sistem kepercayaan dan amalan di mana satu **kelompok manusia mempunyai tafsiran** dan **gerak balas yang tersendiri** terhadap apa yang dianggap **suci** atau **kudus**.

3. Masyarakat di Mohenjo-Daro dan Harappa atau Lembah Indus ini mempunyai **tradisi keagamaan dan kepercayaan yang tersendiri**. Penemuan mohor-mohor, patung dan bahan-bahan tembikar menunjukkan masyarakat di Lembah Indus ini telah mencapai kemajuan dalam aspek kerohanian. Kebanyakan daripada unsur-unsur kepercayaan dan agama masyarakat Mohenjo-Daro dan Harappa ini telah diwarisi dan diamalkan oleh masyarakat Hindu pada masa kini dan ini menunjukkan bahawa bahawa masyarakat tamadun ini telah meninggalkan satu impak yang mendalam dalam aspek agama dan kepercayaan

4. Latar belakang tamadun Mohenjo-Daro dan Harappa (Lembah Indus)

Isi-isi (5 isi x 4 markah = 20 markah)

1. Kepercayaan Politeisme

Masyarakat tamadun ini mengamalkan kepercayaan **politeisme** iaitu **percaya kepada banyak tuhan**. Sebagai contohnya, mereka menyembah banyak dewa-dewi dan dewa-dewi ini mempunyai kedudukan yang berlainan serta mewakili pelbagai fenomena alam seperti langit, bumi, air, api, bintang dan tumbuh-tumbuhan.

2. Penyembahan Dewi Ibu

Menurut Sir John Marshal, kepercayaan masyarakat yang paling popular dalam tamadun ini ialah **penyembahan Dewi Ibu** dan hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan-penemuan patung-patung wanita di kawasan ini dan juga di selatan Baluchistan dan Lembah Zhob. Patung-patung wanita ini juga turut ditemui di Elam, Mesopotamia, Transcopia, Asia Kecil, Syria dan Palestin dan ini menunjukkan bahawa amalan ini turut tersebar luas di banyak kawasan. Amalan penyembahan Dewi Ibu ini mempunyai pengaruh yang amat mendalam di kalangan masyarakat India.

Dewi Ibu dianggap **proto prakriti** (tenaga kosmik) dan sebahagian daripada **jiwa kosmik** (Purusha). Kepercayaan ini juga terdapat dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan amalan nasab ibu (matriarchal). Amalan penyembahan Dewi Ibu ini juga telah meletakkan asas bagi penyembahan **saktisme.**

3. Penyembahan Dewa Siva

Penemuan sebuah mohor oleh Dr. E. Mackay pada tahun 1930 membuktikan bahawa terdapat amalan **penyembahan Dewa Shiva** dalam masyarakat tamadun Mohenjo-Daro dan Harappa atau Tamadun Lembah Indus ini. Gambar dalam mohor ini menunjukkan seorang sedang duduk bersila dalam keadaan membuat yoga dan dia mempunyai tiga tanduk dan kepala. Tangannya dipenuhi gelang dan disekelilingnya terdapat beberapa ekor binatang seperti gajah, harimau, kerbau dan dua ekor rusa.

Sir John Marshall mentafsirkan dewa berkepala tiga dalam gambar dalam mohor ini sebagai lambang **Proto Shiva.** Tiga kepala atau muka itu adalah mewakili konsep **Trimurthi** dan ianya melambangkan tiga fungsi utama Dewa Shiva iaitu **penciptaan, pemeliharaan** dan **pemusnahan.**

Mohor ini juga melambangkan konsep **Mahayogi** dan **Mahatapah** yakni Dewa Shiva ialah **ketua bagi para yogi**. Hal ini menunjukkan bahawa **yoga** adalah berasal daripada masayarakat di Lembah Indus. Mohor ini juga dikaitkan dengan konsep **Pasupati** yang merupakan asas kepada **falsafah Saivisme** dan menurut falsafah ini, Tuhan adalah ketua bagi semua jiwa. Manusia yang terdapat dalam lambang ini ditafsirkan sebagai Pati manakala binatang-binatang yang terdapat disekelilingnya dilambangkan sebagai Pasu.

4. Penyembahan Lingam dan Yoni

Penyembahan **Lingam** dan **Yoni** merupakan satu lagi bentuk kepercayaan di Lembah Indus. Lingam ialah **simbol Dewa Shiva** dan Yoni adalah **simbol Dewi Ibu**. Penemuan batu-batu yang berbentuk kon di Mohenjo-Daro dan Harappa membuktikan kewujudan penyembahan Lingam. Para sarjana mengaitkan objek-objek berbentuk Lingam ini dengan mohor yang mempunyai lambang proto Shiva. Sementara itu, penemuan batu-batu yang berbentuk gelang yang besar melambangkan Yoni yang merupakan simbol Dewi Ibu.

5. Penyembahan Pokok

Terdapat juga amalan penyembahan pokok dalam masyarakat di Lembah Indus di mana hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan mohor-mohor yang mempunyai lambang **pokok Pipal** dan **Acacia** di Mohenjo-Daro dan Harappa. Pokok Pipal Dan Acacia ini diatakan sebagai tempat tinggal dewa-dewi. Selain daripada pokok-pokok itu, pokok **Udumbura, Bilva, Nimba** dan **Thulasi** juga dianggap **suci.**

Menurut Sastri, pokok **Pipal** adalah merupakan pokok yang paling suci dan ia melambangkan **ilmu pengetahuan** manakala pokok **Acacia** pula melambangkan **jiwa**. Dipercayai seseorang yang meletakkan atau mengikat daun pokok tersebut di kepala

akan memperolehi ilmu. Sebilangan besar **mohor-mohor** yang ditemui **di Mohenjo-Daro** dan **Harappa** menunjukkan **Dewa Pipal berdiri di bawah pokok** tersebut. Dewa Pipal dikatakan sebagai **ketua** bagi **semua dewa orang Indus** dan **penyembahan Dewa Pipal** amat **popular** dan **meluas** di kalangan masyarakat di Lembah Indus.

6. Upacara Mandi Ritual

Upacara mandi ritual diamalkan di Mohenjo-Daro di bawah **pengawasan golongan pendeta.** Kepentingan upacara mandi ritual ini dapat dibuktikan dengan **kewujudan kolam mandi Great Bath** yang dilengkapi dengan **bilik-bilik kecil** dan **dewan bertiang**. Kewujudan bilik air dengan **salur keluar** di kebanyakan kediaman merupakan satu lagi bukti amalan mandi ritual telah dipraktikkan di Lembah Indus. Upacara mandi ritual diadakan untuk **menjaga kebersihan** dan **kesucian** dan **menghalau roh-roh jahat.**

7. Tarian Ritual

Di Lembah Indus juga terdapat **amalan tarian ritual**. Penemuan **patung gangsa** yang menunjukkan **seorang perempuan sedang menari** membuktikan kewujudan amalan tarian ritual ini.

8. Upacara Pengebumian

Masyarakat Lembah Indus terutamanya di Mohenjo-Daro dan Harappa juga percaya kepada **kehidupan selepas mati**. Dalam hal ini, masyarakat ini **mengebumikan mayat** dengan **berhati-hati** di mana **kepala dihalakan ke timur** dan kaki **menghala ke arah selatan**. Upacara ini juga disertakan dengan **barang-barang pengebumian** seperti **makanan** dan **senjata**. Kajian oleh ahli sejarawan juga menunjukkan **amalan membakar mayat** dan **membuang abu ke sungai** sepertimana yang berlaku dalam masyarakat di Harappa.

Kesimpulan (2 Markah)

Masyarakat di Lembah Indus terutamanya di Mohenjo-Daro dan Harappa mempunyai kepercayaan dan agama yang unuk dan tersendiri. Dalam hal ini banyak kepercayaan masyarakat ini seperti penyembahan Dewi Ibu dan Dewa Shiva telah diwarisi dan diamalkan oleh orang India sehingga sekarang. Kewujudan pelbagai agama dan kepercayaan menunjukkan masyarakat di Lembah Indus ini telah mencapai kemajuan dalam aspek kerohanian dan idea keagamaan masyarakat ini telah tersebar ke kawasan lain seperti ke Mesopotamia.

* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai

3. Huraikan tentang faktor-faktor perubahan yang mendorong kepada kemunculan Negara Bangsa di Eropah.

Pendahuluan (3 Markah)

Negara adalah satu badan atau autoriti dalam sesuatu wilayah yang menguruskan serta mengendalikan peraturan-peraturan dalam sesuatu masyarakat. Kerajaan yang mengubal dan menguruskan undang-undang itu telah diberi kuasa oleh masyarakat. **Bangsa** pula adalah sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu kawasan dan mempunyai latar belakang, asal-usul, adat resam, kebudayaan, agama dan sistem politik. **Negara bangsa** bermakna sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu wilayah yang mempunyai persamaan ideologi dan sistem pemerintahan yang berdaulat dan merdeka.Kebiasaannya, sifat etnik merupakan sifat terpenting yang digunakan untuk menyatupadukan satu bangsa. Kuasa untuk mentadbir dan memerintah dipegang oleh raja dan bukan di tangan golongan bangsawan lagi. Perubahan dan perkembangan politik di Eropah pada Zaman Pertengahan telah membawa kepada pembentukan negara bangsa. Pembentukan negara bangsa dapat dilihat di beberapa buah negara Eropah seperti Perancis, Sepanyol, Jerman dan England.

Isi-isi (7 isi x 3markah = 21 Markah)

1 Kemunculan Kesedaran Kebangsaan

Kesedaran kebangsaan adalah sifat utama bagi kemunculan negara bangsa. Pada zaman kemunculan negara bangsa, contohnya, seseorang yang dilahirkan di Perancis berfikir sebagai seorang Perancis dan bukan seorang Norman, Burgindian, dan lain-lain. Kuasa kedaulatan dipegang oleh raja (tidak lagi dikongsi) dalam satu unit politik yang besar dan kuat. Hal ini menyebabkan **penyingkiran hak-hak warisan** dan **kuasa golongan berkuasa yang lebih rendah** seperti **golongan bangsawan**, **autonomi tempatan** atau **wilayah**, **keistimewaan tradisi** dan **pemansuhan kuasa politik gereja Katolik Rom**. **Sistem feudal** dan **vassal ditamatkan**.

2. Keruntuhan Sistem Feudal

Sistem feudal dan keinginan raja untuk menegakkan kembali kuasanya telah mendorong pembentukan negara bangsa.Sistem feudal telah wujud di Eropah sejak keruntuhan empayar Rom pada abad ke 5 M. Hal ini telah menimbulkan susunan masyarakat yang berperingkat-peringkat seperti Raja, Vassal (golongan bangsawan) dan Self (petani dan rakyat biasa). Raja memiliki semua tanah dalam negara dan baginda berperanan melindungi golongan bawahannya. Baginda telah memberi tanah kepada golongan

bangsawan atau lord atau vassal sebagai tanda taat setia kepadanya. Sebahagian daripada hasil tanaman pula diberi kepada raja sebagai balasan. Lama-kelamaan kedudukan vassal semakin kukuh dan berkuasa. Kedudukan dan kuasa raja semakin kurang dan terpaksa bergantung kepada sokongan vassal-vassalnya. **Kesedaran raja** untuk **menegakkan semula kuasanya** telah menyebabkan raja menubuhkan **pasukan tentera yang kuat** dan **berperang dengan vassal-vassalnya.** Hal ini telah memulakan proses penyatuan kawasan persekitaran yang biasanya didiami oleh kelompok masyarakat dari bangsa yang sama.

3. Kesan Perang Salib

Perang Salib telah membawa kesan yang penting kepada proses pembentukan negara bangsa. Perang Salib berlaku antara **orang Kristian** di **Eropah** dengan **orang Islam** di **Timur Tengah** selama **200 tahun** (1095 M – 1291 M). **Tujuan utama** orang Kristian berperang dalam Perang Salib itu adalah untuk **membebaskan Baitul Muqaddis** dan **Palestin** daripada orang Islam. Paus (Pope) yang merupakan ketua agama Kristian telah meminta pemimpin negara-negara Eropah untuk membantu membebaskan tanah suci orang Kristian itu. Pemerintah-pemerintah di Eropah telah **mendapatkan bantuan ketenteraan** daripada **vassal-vassal untuk menyumbangkan tenaga serf** sebagai **tentera**. Hal ini telah menyebabkan **kekuatan ketenteraan vassal berkurangan**, lebih-lebih lagi apabila kebanyakan serf yang pulang daripada medan peperangan **tidak balik kepada vassal**. Mereka **berkunjung** ke **bandar-bandar**. Peluang ini telah **digunakan oleh raja-raja untuk mengukuhkan kedudukan** mereka. Mereka telah melaksanakan ekspedisi-ekspedisi ketenteraan untuk membawa vassal-vassal ke bawah kekuasaannya dalam usaha membentuk negara bangsa.

4 Kepentingan Perkembangan Bandar

Perkembangan bandar dan kepentingan yang dimainkan olehnya telah mengubah **sistem ekonomi tradisional** yang mementingkan **pertanian**. Perang Salib telah membawa kepada **pembentukan bandar-bandar baru** dan **kemunculan semula bandar-bandar lama**. Ekonomi bandar berkembang pesat dengan bertambahnya penduduk dan penggunaan wang. Golongan serf mulai berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Askar-askar yang balik dari medan peperangan juga tidak balik ke kampung mereka. Hal ini telah melemahkan kekuasaan vassal yang bergantung kepada penguasaan tanah serta kesetiaan serf di tanah kawalan mereka. **Kemerosotan kuasa vassal** telah **menambah kuasa** dan **pengaruh raja** yang berjaya **meluaskan kekuasaannya** ke seluruh negeri.

5. Kemunculan Golongan Pertengahan

Kemunculan dan perkembangan golongan pertengahan di bandar akibat kemajuan pesat dalam ekonomi perdagangan dan perindustrian telah menyebabkan **golongan pertengahan menyokong pemerintah yang kuat**,

yang boleh **menguatkuasakan undang-undang** dan **peraturan** untuk **menjamin kestabilan** dan **kemakmuran negara**. Mereka memerlukan **perlindungan** daripada sebuah kerajaan pusat yang berkesan.Mereka sanggup membayar **cukai** untuk mendapatkan **kestabilan politik** untuk menjalankan **perdagangan** dan **perniagaan**. Kepentingan dan pengaruh golongan bangsawan atau vassal telah digantikan oleh golongan pertengahan dan pengusaha. Raja kini boleh mengumpul lebih banyak wang melalui percukaian yang dikenakan ke atas golongan pertengahan.Sebagai balasannya, baginda dapat **menggaji tentera** dan **pegawai perkhidmatan awam** untuk memberikan **kelas pertengahan perlindungan** dan **bentuk kerajaan** yang mereka perlukan.

6. Instutusi Kebangsaan

Penubuhan institusi kebangsaan juga memainkan penting dalam pembentukan negara bangsa. Kemajuan perdagangan dan ekonomi wang akibat Perang Salib menyebabkan sistem feudal tidak dapat memenuhi keperluan penduduk Eropah seperti menjamin keamanan dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam, khususnya di kawasan bandar. **Raja-raja di England** dan **Perancis** melihat perkembangan ini sebagai **memberi peluang kepada mereka untuk meluaskan kuasa dan kawalan**.Mereka mula membentuk **institusi-institusi kebangsaan** bagi sebuah kerajaan, antaranya **pentadbiran pusat, tentera kebangsaan** dan **undang-undang kebangsaan**. Kesemua institusi ini merupakan **permulaan negara bangsa** dan membawa kepada **kemerosotan sistem feudal.**

7. Kemunduran Tamadun Eropah

Kesedaran raja-raja dan **masyarakat Eropah** tentang **kemunduran tamadun mereka** berbanding dengan **tamadun** dan **kegemilangan Islam** wujud apabila mereka **bertembung** dengan **tamadun Islam** semasa **Perang Salib**. Hal ini telah menyebabkan **bangsa Eropah** mula **bertekad** untuk **menghidupkan** kembali zaman **kegemilangan** tamadun **Yunani** dan **Rom**. Pertembungan kebudayaan Arab dan Eropah telah melahirkan hasrat untuk membawa **perubahan intelektual**. Kesedaran ini telah membawa kepada **tercetus**nya **hasrat** untuk mewujudkan **negara** yang ber**identiti**kan **bangsa Eropah**.

8. Perkembangan Bahasa Kebangsaan

Pembentukan negara bangsa juga dibantu oleh **perkembangan bahasa kebangsaan.** Selagi orang Norman dan Burgundi bertutur dalam dialek Perancis yang berlainan, sukar bagi mereka untuk mewujudkan persatuan yang kukuh.Tetapi di zaman Renaisans yang wujud setelah Perang Salib berakhir, **buku-buku mula ditulis** bukan dalam **bahasa Latin** tetapi dalam **bahasa pertuturan** masyarakat berkenaan. Hal ini berlaku berikutan **penciptaan mesin pencetak.** Hal ini juga telah menyebabkan **penduduk** di kawasan **pedalaman Perancis** mula **bercakap** serta **berfikir** seperti **orang Perancis** dan akhirnya

berjaya me**wujud**kan **identiti yang sama** untuk **penduduk** di sesuatu wilayah. Keadaan ini telah **mempercepatkan kemunculan negara bangsa** di Eropah.

Kesimpulan (1 Markah)

Sebagai penutup, jelaslah pembentukan negara bangsa di Eropah berlaku akibat **perubahan** dalam **sistem ekonomi, politik** dan **sosial** yang membawa kepada **suatu fikiran baru**. Fikiran ini memerlukan perubahan politik untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang menimpa masyarakat Eropah. Dengan penubuhan negara bangsa, **tiap-tiap negeri** mengandungi **penduduk** yang ber**teras**kan **satu bangsa, satu bahasa, satu kesusasteraan** dan **satu kesedaran kebangsaan** di bawah **pemerintah raja berkuasa mutlak**.

* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai

4. Sejauhmanakah kekuatan ketenteraan penting dalam pengukuhan kuasa empayar tamadun-tamadun awal.

Pendahuluan (3 markah)

Menurut Farmer dalam buku, Comparative History of Civilizations, **empayar** merujuk kepada **entiti politik yang menyatukan zon budaya yang luas**. Kemunculan empayar disebabkan oleh **dasar imperialisme** yang menyebabkan berlaku proses **penaklukan** dan **perluasan kuasa** terhadap negara-negara lain. Proses perluasan kuasa menyebabkan muncul beberapa empayar seperti empayar **Maurya** dan **Gupta** di India, empayar **Chin** dan **Han** di China dan empayar **Rom** di Eropah. Terdapat dua jenis empayar yang utama iaitu **empayar daratan** dan **empayar maritim**. Empayar daratan menguasai tanah yang luas seperti empayar Maurya, Gupta, Rom dan Chin. Empayar maritim pula bergantung kepada penguasaan laut seperti empayar Srivijaya dan Majapahit .

Konsep ketahanan dan pertahanan.

Isi-isi (7 isi x 3 markah = 21 markah)

1. Kekuatan ketenteraan

Kekuatan ketenteraan amatlah penting dalam pengukuhan empayar dan bagi **mewujudkan keamanan dalam empayar**. Para pemerintah menggunakan tentera untuk **mengatasi rampasan kuasa, pemberontakan** dan **keadaan kacau bilau**. Bagi memudahkan tentera mengawal keadaan dalam negara, kota-kota pertahanan, jalanraya dan tembok didirikan. Contohnya pada zaman pemerintahan Maharaja Shih Huang Ti, **tembok besar** yang dikenali sebagai **Tembok Besar China** didirikan bagi mengelakkan serangan orang-orang gasar.

Dalam Tamadun India pula, kekuatan ketenteraan **begitu dominan** dalam pengukuhan dan perluasan empayarnya. Dalam hal ini,terdapat **empat jenis tentera** yang digunakan iaitu **tentera bergajah, tentera berkuda, tentera berkereta kuda** dan **tentera berjalan kaki (infantri).**Terdapat juga unit – unit seperti **tentera laut, pengintip, kumpulan perintis dan komisariat**. Keunikan ketenteraan India ialah **penggunaan gajah** dan ianya berperanan **memecahkan barisan tentera musuh, meruntuhkan kubu, pintu kota** dan **benteng pertahanan. Kereta kuda** pula digunakan secara meluas pada zaman Maurya dan kebiasaannya **Raja – raja India mempunyai angkatan tentera yang besar.** Misalnya, Candragupta Maurya mempunyai **600, 000** orang tentera , Rajaraja I mempunyai **900, 000** orang tentera dan Mahendrapala boleh menggerakkan **800,000** orang tentera pada bila-bila masa.

2. Perluasan wilayah

Salah satu ciri lain dalam pengukuhan empayar ialah **perluasan kuasa**. Apabila sesebuah empayar menjadi stabil, langkah-langkah diambil untuk memperkembangkan pengaruh di wilayah-wilayah berhampiran. Usaha perluasan kuasa merupakan langkah untuk **menundukkan kuasa-kuasa besar**

di pinggiran yang **menggugat kestabilan politik** sesebuah empayar. Contohnya, empayar Maurya diasaskan oleh Chandragupta Maurya dengan menyatukan negara-negara kecil di utara India. Pembentukan empayar ini bertujuan untuk menundukkan ancaman Yunani.

3. Sistem birokrasi yang teratur

Kekuatan sesebuah empayar dapat dipertahankan dengan wujudnya **sistem pentadbiran yang sistematik dan teratur**. Sistem pentadbiran amat penting bagi **mengukuhkan cengkaman kuasa kerajaan** di seluruh wilayah jajahan takluk. Untuk tujuan tersebut, biasanya sesebuah kerajaan **membahagikan empayar** kepada **wilayah-wilayah** yang diperintah oleh **gabenor**. Kerajaan pusat melantik pemerintah di peringkat wilayah dan sentiasa mengawasi pegawai-pegawai di wilayah. Contohnya, **Maharaja Shih Huang Ti** telah membahagikan empayarnya kepada **36 wilayah** dan wilayah-wilayah ini ditadbir oleh **gabenor tentera**.

4. Keseragaman budaya

Pembentukan empayar bertujuan untuk melahirkan **keseragaman budaya** di seluruh empayar. Dalam konteks ini, lazimnya **budaya negara induk** akan dijadikan budaya rasmi di seluruh jajahan takluk empayar. Contohnya, **Iskandar Zulkarnain** menyebarkan kebudayaan **Hellenistik** yang merupakan **paduan antara budaya Yunani dan Parsi** ke seluruh empayar. Beberapa bandar baru ditubuhkan sebagai pusat penyebaran kebudayaan Hellenistik seperti **Iskandariah** dan **Antioch.**

5. Keseragaman sosial dan ekonomi

Para pemerintah sesebuah empayar lazimnya akan bertindak **menyeragamkan sistem tulisan, ukuran timbangan** dan **penggunaan matawang**. Tindakan ini diambil untuk **melicinkan urusan pentadbiran** dan juga untuk **memupuk semangat nasionalisme** di kalangan penduduk. Contohnya, **Sargon Agung** telah memperkenalkan **bahasa Akkadia** sebagai bahasa rasmi empayarnya. Manakala, **Asoka** yang merupakan pemerintah agung empayar Maurya telah menjadikan bahasa **Sanskrit** sebagai bahasa rasmi empayarnya bertujuan **mewujudkan penyatuan politik** dan **budaya**. Dalam bidang ekonomi pula para pemerintah memperkenalkan **sistem timbangan, ukuran** dan **matawang** yang seragam. Contohnya, di **Melaka**, sistem timbangan berdasarkan ukuran kati dan tahil digunakan.

6. Kewibawaan pemimpin

Kekuatan dan keutuhan sesebuah empayar bergantung kepada **pemimpin yang berwibawa.** Pemimpin yang berwibawa dapat mewujudkan kestabilan politik. Ini dapat diwujudkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Di samping itu, pemimpin-pemimpin juga memberikan naungan politik kepada pertumbuhan tamadun. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti memberi peluang kepada golongan sarjana yang berminat dengan falsafah Konfucius menjalankan penyelidikan sejarah. Manakala, kerajaan Maurya memberikan naungan politik

kepada golongan karyawan untuk bergiat dalam lapangan kesenian dan kesusasteraan.

7. Penyebaran agama

Pemimpin sesebuah empayar juga bertindak **menyebarkan fahaman agama** ke **wilayah-wilayah jajahan takluk** khususnya kepada pemimpin yang terikat dengan sesuatu fahaman agama dan ingin membawa perubahan dalam masyarakat. Contohnya,**Maharaja Asoka** telah mengambil beberapa langkah untuk **menyebarkan agama Buddha** dalam empayarnya. Selain, mengadakan siri lawatan ke seluruh empayar untuk menyebarkan agama Buddha, baginda juga melantik pegawai-pegawai yang dikenali sebagai **Dharma Mahamatra** untuk menyebarkan agama Buddha. Selain itu, Asoka telah mempraktikkan dan mengamalkan ajaran-ajaran Buddha dalam kehidupannya dengan menghentikan amalan membunuh binatang dan memakan daging. Hasil usaha dan langkah-langkah tersebut, agama Buddha telah menjadi agama dunia.

8. Kemajuan komunikasi

Kejayaan sesebuah empayar juga bergantung kepada **sistem pengangkutan** dan **komunikasi**. Rangkaian **jalanraya** diperlukan untuk menggerakkan pasukan **tentera** untuk **melicinkan pentadbiran**. Hal ini dapat dilihat dalam kerajaan Rom pada zaman Augustus Caesar. Beliau telah membina jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Rom dengan kebanyakan kawasan jajahannya. Ini telah memudahkan pergerakan tentera ke kawasan jajahan untuk mematahkan sebarang kebangkitan untuk mencabar kepimpinan maharaja.

Kesimpulan (1 markah)

Empayar merupakan **entiti politik** yang lahir daripada **kegiatan ketenteraan** yang menyebabkan proses **perluasan wilayah**. Sebagai unit politik yang merangkumi kawasan yang luas, empayar mempunyai beberapa ciri seperti **sistem birokrasi kerajaan pusat yang mantap , kehomogenian budaya, agama dan budaya, kekuatan militer, perlaksanaan hegemoni dan sistem naungan ekonomi.** Ciri-ciri ini amat penting dalam **memantapkan** serta mengukuhkan **kedudukan** sesebuah empayar dari segi politik, ekonomi dan sosial. Empayar akan mengalami **kemerosotan** apabila pemerintah **gagal mengawal struktur empayar, mengukuhkan pentadbiran pusat, kemerosotan ekonomi** dan **sistem pertahanan lemah.**

* Apa-apa sahaja yang berkaitan

5. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan Empayar Srivijaya muncul sebagai pusat perdagangan utama di Alam Melayu dari abad ke- 7 hingga abad ke-13 Masihi.

Pendahuluan (3 Markah)

Empayar Srivijaya merupakan **kuasa utama** dan **berpengaruh** di **Asia Tenggara** dari **abad ke-7** hingga **ke-13 masihi**. Dengan **kewibawaan** pemerintahnya seperti **Dapunta Hiyam**, Srivijaya telah **meluaskan kuasa** dan **pengaruh**nya ke atas beberapa negeri di **Pulau Sumatera, sebahagian Pulau Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, selatan Siam** dan **persisiran Borneo** sehingga menjadikan Srivijaya sebagai **pelabuhan entrepo**t yang **terkenal** di **Alam Melayu.**

Pusat pemerintahan kerajaan Srivijaya yang terletak di **Palembang** adalah sangat **strategik** kerana dapat **mengawal perairan Selat Melaka**. Dalam hal ini, Srivijaya telah menggunakan **angkatan laut**nya yang **kuat** untuk menguasai **perdagangan Timur- Barat** terutamanya **perdagangan** antara **Timur Tengah, China, India** dan **Asia Tenggara** sendiri. Sebagai contohnya, **pedagang-pedagang** yang melalui **perairan Selat Melaka** telah **dipujuk** dan **dipaksa** untuk **singgah** di **pelabuhan-pelabuhan Srivijaya**.

Sesuai dengan statusnya sebagai sebuah empayar maritim yang sangat bergantung kepada kekuatan dan kemahiran tentera lautnya, Srivijaya telah **berjaya memonopoli perdagangan** di **Alam Melayu** dengan **menguasai bandar-bandar pelabuhan penting** di **sekitar Alam Melayu** dan menjadikan Srivijaya sebagai **emporium perdagangan** yang terkenal. **Rekod-rekod** dari **Negara China** telah membuktikan perkara ini, di mana telah dicatatkan **14 kota raja** telah **membayar ufti** kepada **Srivijaya** pada awal abad **ke-11 masihi.**

Dalam hal ini, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Empayar Srivijaya mampu muncul sebagai pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

Isi-isi (7 isi x 3 markah = 21 Markah)

1. Kedudukan Yang Strategik

Kedudukan Srivijaya dari **segi geografinya yang strategik** iaitu **terletak** di **tengah-tengah jalan perdagangan** antara **Timur** dan **Barat** dan hal ini telah menjadikan Srivijaya sebagai **pelabuhan persinggahan** bagi **kapal-kapal** dari **Asia Barat, India, Negara China** dan **Alam Melayu**. Kelebihan Srivijaya yang menghadap **monsun timur laut** telah menyebabkan **pelabuhan** Srivijaya **tidak mampu ditandingi** oleh **pelabuhan-pelabuhan lain.**

2. Perlindungan Diplomatik Daripada Kerajaan China

Kejayaan Srivijaya mendapatkan **naungan** daripada **Negara China** dengan cara **menghantar ufti** kepada **Maharaja China** telah **mengukuhkan kuasa** dan pengaruh Srivijaya. Dikatakan antara tahun **960-983 masihi**, Srivijaya telah **menghantar** tidak kurang dari **lapan utusan diplomatik** ke **Negara China**.

Jaminan perlindungan daripada **China** telah berjaya mengelakkan Srivijaya daripada diserang oleh **kerajaan Majapahit, Siam dan Burma**. Lantaran itu, ini telah **mengggalakkan kedatangan** lebih ramai **pedagang-pedagang** dari **Arab, China** dan **India** ke pelabuhan-pelabuhan Srivijaya.

3. Kekayaan Sumber Bahan Mentah

Kemampuan empayar Srivijaya **menguasai** dan **memiliki bahan-bahan mentah** yang banyak telah menyebabkan Srivijaya mampu muncul sebagai **pelabuhan entrepot** utama di Nusantara. Bahan-bahan mentah yang mendapat **permintaan tinggi** daripada **pasaran tempatan** dan **pedagang-pedagang China** telah diperolehi daripada kawasan hutan di Pulau Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu serta daripada kawasan jajahan takluknya di Kepulauan Riau Lingga. Bahan-bahan mentah tersebut adalah seperti **emas, perak, kemenyan, gading gajah, kapur barus, kulit kura-kura, lilin lebah, damar, kayu gaharu, kayu cendana, lada** dan **rempah ratus.** Dalam hal ini, kekayaan sumber bahan mentah telah menjadikan Srivijaya tumpuan pedagang-pedagang dari negara luar.

4. Kemudahan-kemudahan Perdagangan/ Pelabuhan

Para pemerintah telah menyediakan pelbagai **kemudahan** di **pelabuhan-pelabuhan seperti stor, tempat penginapan sementara** dan **gudang-gudang menyimpan barang.** Para pedagang yang datang ke Srivijaya dilayan dengan baik dan kemudahan dan layanan yang baik ini telah menyebabkan Srivijaya dikunjungi oleh ramai pedagang.

5. Peranan Orang Laut

Peranan orang laut juga merupakan faktor penting dalam meningkatkan perkembangan Srivijaya sebagai pusat perdagangan utama di Alam Melayu. **Kemampuan** dan **kejayaan pemerintah-pemerintah** kerajaan Srivijaya mengawal orang laut menyebabkan **masalah perlanunan** di Selat Melaka **dapat dibendung** dan diatasi. Dalam hal ini, pemerintah Srivijaya telah menjadikan orang laut sebagai sebahagian daripada **angkatan tentera laut.** Kemahiran orang-orang laut tentang selok belok laut seperti **beting pasir, beting karang, cuaca** dan sebagainya telah membolehkan mereka mengawal jalan-jalan laut daripada ancaman lanun-lanun dengan berkesan. Di samping itu, orang laut juga berperanan **memantau** dan ada juga yang **bertindak memaksa kapal-kapal pedagang-pedagang singgah berdagang di pelabuhan-pelabuhan Srivijaya.** Sumbangan orang laut ini telah menyebabkan Srivijaya mampu memainkan peranan sebagai pusat persinggahan kapal-kapal dagangan, pusat pengumpulan dan penyebaran barang-barang dagangan.

6. Sistem Pentadbiran Yang Baik dan Sistematik

Kerajaan Srivijaya juga mempunyai sistem pentadbiran yang baik dan sistematik. Kajian terhadap **inskripsi Telaga Batu** menunjukkan bahawa Empayar Srivijaya dikenali sebagai **Kedatuan.** Kedatuan dibahagikan kepada **Mandala** yang

diketuai oleh seorang Datu dan beliau dibantu oleh seorang **Parvanda** (Ketua Tentera). Dengan adanya sistem pentadbiran yang baik dan teratur, maka perdagangan di Srivijaya dapat dijalankan dengan lancar.

7. Dasar Perdagangan Srivijaya

Srivijaya juga mengamalkan beberapa dasar yang berhubung dengan sistem perdagangan. Antaranya ialah **pedagang-pedagang asing tidak dibenarkan berdagang secara langsung di kawasan pedalaman** dan mereka hanya **dibenarkan berdagang** di pelabuhan-pelabuhan yang terletak di bawah penguasaan kerajaan pusat. Dasar ini bertujuan untuk mengelakkan pedagang asing **menghasut** penduduk tempatan di kawasan pedalaman untuk menentang kerajaan pusat. Pedagang-pedagang juga dikehendaki untuk **mematuhi peraturan-peraturan** yang ditetapkan oleh kerajaan. Dasar perdagangan ini menyebabkan pedagangan di Srivijaya mampu berkembang dengan baik sehingga menjadi satu pusat perdagangan utama di rantau ini.

8. Galakan Kerajaan

Kerajaan Srivijaya telah menggalakkan pedagang tempatan agar terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Terdapat kumpulan pedagang tempatan yang menjalankan aktiviti perdagangan dengan China dan Asia Barat. Kumpulan yang terlibat dengan perdagangan luar negara dikenali sebagai **Puhawang** dan **Vaniaga**. Istilah **Siddha-Yatra** juga merujuk kepada pedagang-pedagang yang terlibat dengan perdagangan jarak jauh. Hal ini menunjukkan kerajaan Srivijaya menggalakkan penduduk tempatan bergiat dalam perdagangan antarabangsa dan seterusnya menjadikan Srivijaya sebagai pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

Kesimpulan (1 markah)

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah dibincangkan tadi, kerajaan Srivijaya telah berjaya sebagai sebuah kuasa perdagangan yang unggul daripada abad ke-7 hingga abad ke-13 masihi. Menjelang abad ke-14 masihi, Srivijaya telah telah hilang pengaruhnya sebagai sebuah empayar dan pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

* Apa sahaja kesimpulan yang sesuai.

6. Jelaskan tentang pemikiran ahli falsafah Yunani dan China

Pendahuluan (3 markah)

Usaha untuk meningkatkan keilmuan manusia telah diteruskan oleh para cerdik pandai sejak zaman silam lagi. Satu daripada aspek ilmu ialah dalam bidang falsafah.

Menambah pengetahuan dan kepandaian dalam pelbagai perkara dan aspek kehidupan merupakan suatu proses yang diberi keutamaan oleh sarjana-sarjana Yunani dan China.

Kemunculan ilmu falsafah di Yunani adalah berkait rapat dengan sistem politik negara kota Athens yang mengamalkan sistem demokrasi yang banyak memberi kebebasan kepada golongan intelek sehingga lahirnya ramai ahli falsafah yang berpendapat bahawa pemimpin politik dan sosial mesti terdiri daripada golongan ahli falsafah.

Manakala perkembangan falsafah Tamadun China pula, wujud beberapa pemikir falsafah yang menekankan hal ehwal manusia dan hubungan manusia dalam masyarakat.

Antara ahli-ahli falsafah yang terkenal dalam Tamadun Yunani ialah Socrates, Plato dan Aristotle manakala aliran pemikiran utama China ialah Confucianisme, Taoisme dan Legalisme.

Isi Jawapan (20 markah)

A). <u>Sumbangan Ahli Falsafah Yunani (10 markah)</u>

1. Socrates

- Beliau dianggap sebagai bapa falsafah dan demokrasi Yunani.
- Socrates menggunakan kaedah bertanya untuk mencari jawapan, pengetahuan dan kebenaran. Segala perkara yang berlaku dalam alam ini harus dibuktikan. Kaedah ini menggalakkan orang ramai menggunakan akal.
- Persoalan yang dibangkitkan oleh Socrates menyentuh kehidupan manusia dan menanamkan nilai individualisme di jiwa rakyat Athens.
- Beliau mengajar manusia berkelakuan dan berakhlak baik serta berfikir dengan bijak.
- Beliau dihukum mati kerana dituduh menafikan dewa dewi dan merosakkan pemikiran golongan muda yang menggunakan kaedahnya iaitu menyampaikan pengetahuan melalui cara menyoal untuk mendapatkan kebenaran.

2. Plato

- Plato adalah anak murid Socrates.

- Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah yang bernama Akademi di Athens di mana sekolah itu telah melahirkan ramai ahli falsafah.

- Menurut beliau, sesuatu kerajaan dan juga kehidupan manusia haruslah berpandukan kepada prinsip-prinsip kebaikan, kemuliaan, keadilan dan kasih sayang. Beliau juga menegaskaan bahawa hak yang sama harus diberikan kepada golongan wanita.

- Plato dalam bukunya ‘ Republik ’ menerangkan tentang struktur kerajaan yang paling baik kepada rakyat dan menekankan bahawa kerajaan yang ideal adalah kerajaan yang dipimpin oleh ahli falsafah.

- Selain itu, pemerintah harus memberi pendidikan kepada setiap warganegara supaya manusia boleh mempunyai hidup yang baik, sempurna, berbudi dan berdisiplin.

3. Aristotle

- Aristotle adalah pengikut Plato yang terkenal dan dikenali sebagai bapa logik.

- Menurutnya, ilmu pengetahuan dan penyelesaian masalah haruslah diperolehi melalui proses pemerhatian, pengumpulan, penyusunan fakta serta fikiran yang yang teratur, tepat atau berdasarkan hubungan sebab dan akibat.

- Beliau merupakan orang yang pertama memperkenalkan kaedah saintifik dalam mencari kebenaran.

- Idea dan falsafah Aristotle terkandung dalam bukunya yang berjudul ‘ Ethics ’ dan ‘ Politic ’ .

- Dalam bukunya Politic, Aristotle menyarankan supaya manusia harus mengamalkan sifat sederhana dalam kehidupan.

- Menurut Aristotle, kerajaan bercorak demokrasi adalah sistem yang zalim dan menindas kerana mengabaikan perbezaan antara manusia. Bagi beliau, kerajaan yang baik adalah

politi di mana pemerintahannya dijalankan oleh orang ramai yang meliputi ciri-ciri terbaik pemerintahan monarki dan oligarki.

- Beliau menubuhkan sebuah sekolah bernama Lyceum untuk mengembangkan falsafah dan kajian sainsnya.

B). <u>Sumbangan Ahli Falsafah China (10 markah)</u>

1. Mencius

- Falsafah tamadun awal China dipengaruhi oleh perubahan musim. Menurut Mencius, seorang ahli falsafah China, semua benda di dunia termasuk ilmu terbahagi kepada dua kategori umum iaitu Yin dan Yang.

- Yin dan Yang melambangkan keharmonian dan saling bertindak di antara unsur-unsur yang bertentangan seperti kegelapan dan kecerahan, kelembapan dan kepanasan, langit dan bumi serta lelaki dan perempuan. Kesinambungan di antara kedua-dua unsur ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat China.

2. Confucianisme

- Falsafah China juga tertumpu kepada manusia dan hubungannya dengan orang lain dan di dalam masyarakat. Ahli-ahli falsafah China seperti Confucius juga berusaha untuk memperkukuhkan semula feudalisme di China untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian. Ia tidak menekankan manusia sebagai individu yang bebas.

- Confucianisme yang berasaskan kepada ajaran Confucius, wujud pada zaman Dinasti Chou yang mengalami keruntuhan akhlak akibat keruntuhan sistem feudal dan peperangan. Menurut Confucius, manusia tidak hidup berseorangan atau terasing daripada masyarakat. Oleh itu, manusia diajar bagaimana mereka harus bertindak dalam masyarakat mengikut suatu upacara adat istiadat.

- Ajaran Confucius memberikan penekanan tentang harga diri dan kemanusiaan. Penekanan diberikan kepada prinsip amanah, rajin, bersifat mulia, berbudi bahasa dan bermurah hati. Kerajaan yang aman dan makmur dapat diwujudkan sekiranya pemerintah menunjukkan budi pekerti yang baik untuk dicontohi oleh rakyat.

- Pedoman untuk hubungan dalam masyarakat dibahagikan kepada lima bentuk iaitu hubungan pemerintah dengan rakyat, ibubapa dengan anak, suami dengan isteri, abang dengan adik dan kawan dengan kawan. Sekiranya wujud hubungan hormat-

menghormati, kesopanan, kesusilaan dan bertanggungjawab, maka akan wujud keamanan dalam keluarga, masyarakat dan negara.

- Ajaran-ajaran Confucius boleh diperolehi daripada dua buku iaitu Klasik Confucius dan Analekta.

3. Taoisme

- Taoisme berasaskan kepada ajaran Lao Tze dan Chuang Tzu. Ajaran falsafah mereka terkandung dalam dua buah buku mereka iaitu Tao Te Ching dan Chuang Tzu. Ajaran ini ialah reaksi terhadap ajaran Confucius yang menekankan kepatuhan kepada peraturan sosial.

- Ajaran Tao ini menekankan keharmonian manusia dengan alam semesta. Tao adalah suatu cara atau jalan untuk mencapai keharmonian itu. Menurut ajaran Tao, manusia tidak harus mementingkan keduniaan dan mencari kebahagiaan dengan mengasingkan diri daripada peraturan duniawi. Manusia harus hidup sederhana serta melakukan meditasi dan hidup berharmoni dengan peraturan alam semesta.

- Taoisme menegaskan bahawa kerajaan yang paling berkesan adalah kerajaan yang paling sedikit memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang sedikit serta mudah difahami oleh rakyat. Penekanan kepada alam telah menggalakkan pengikut Taoisme menerokai sains dan teknologi. Pengaruh Taoisme juga terdapat dalam bidang kesusasteraan dan kesenian masyarakat China.

4. Legalisme

- Legalisme merupakan satu lagi falsafah yang penting di China. Ia mengajukan kepentingan penekanan undang-undang untuk mewujudkan kecekapan dalam kerajaan dan ketertiban dalam masyarakat.

- Pemikir unggul Legalis adalah Han Fei yang menulis Han-fei-tzu yang merupakan falsafah legalis yang komprehensif. Pengikut Legalisme tidak percaya tentang kasih sayang dan belas kasihan. Kuasa harus dikekalkan dan dipelihara dalam apa jua keadaan.

- Menurut Han Fei, nilai-nilai yang dicadangkan oleh Confucius adalah hipokratik dan hanya digunakan untuk kepentingan sendiri.

- Falsafah ini digunakan oleh Maharaja Shih Huang Ti untuk memerintah dan mengekalkan kuasanya setelah beliau berjaya menyatukan Negeri China.

Kesimpulan (2 markah)

- Pelbagai jenis falsafah yang muncul di Yunani dan Negeri China muncul akibat keadaan politik dan sosial yang wujud pada zaman itu yang memerlukan pendapat dan idea-idea baru untuk menyelesaikan masalah pada zaman itu. Sumbangan ahli-ahli falsafah di Yunani dan China juga adalah relevan untuk kehidupan pada masa kini.
- Apa sahaja kesimpulan yang sesuai.

7. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong kuasa-kuasa barat melakukan aktiviti penjelajahan dan penerokaan pada abad ke -15 dan ke-16 Masihi;

Pengenalan. (3 markah)

- Konsep penjelajahan merujuk kepada mengelilingi atau berjalan ke merata-rata tempat atau daerah.
- Penerokaan pula bermaksud menyelidiki, menjelajah, menjalani, menempuh dan mengharungi.
- Sejak zaman pra sejarah, manusia mula melancarkan penjelajahan dan penerokaan untuk mencari sumber makanan, mengelakkan perubahan cuaca yang melampau dan ancaman daripada kumpulan lain.
- Kuasa-kuasa Barat seperti Portugal dan Sepanyol mula menjelajah dan meneroka disebabkan oleh beberapa faktor yang mendorong dan juga untuk mengatasi perubahan politik, ekonomi dan agama yang berlaku pada zaman tersebut.

Isi Jawapan. (7 isi x 3 markah = 21 markah)

1. Perkembangan kapitalisme dan merkantilisme.

- Sistem ekonomi kapitalisme menggalakkan kegiatan mengumpul modal, hakmilik persendirian dan persaingan dalam perniagaan.
- Perkembangan ekonomi kapitalisme telah mendorong kemunculan dasar ekonomi merkantilisme di negara-negara bangsa yang menekankan dasar pengumpulan kekayaan menambahkan kekuasaan dan menjaga kebajikan penduduk tempatan.
- Bagi memenuhi matlamat-matlamat tersebut, raja-raja Negara bangsa menggalakkan penjelajahan dan penerokaaan.

2. Pengaruh Renaisans.

- Pada zaman Ranaisans, cita-cita dan pemikiran bangsa Eropah telah berubah.Mereka lebih mempraktikkan ciri-ciri individualisme, humanisme, sekularisme, sifat kritikal dan rasionalisme.
- Institusi gereja tidak lagi mengongkong pemikiran masyarakat Eropah pada zaman ini. Keadaan ini mendorong kebebasan pemikiran manusia dan mula mementingkan kemajuan sains dan teknologi.

- Semangat inkuiri manusia iaitu daripada kemajuan dalam bidang sains dan teknologi yang menggalakkan orang Eropah yang menggalakkan orang Eropah menjelajah dan meneroka kawasan-kawasan baru.

3. Penguasaan perdagangan orang Islam.

- Pasaran perdagangan orang Islam mula meluas semasa masyarakat Eropah masih hidup dalam Zaman Gelap. Pada ketika itu, orang Islam menguasai dua jalan iaitu Timur Tengah dan Afrika Utara.

- Mereka juga berdagang dengan saudagar Itali di Laut Mediterranean.

- Keuntungan yang diperoleh oleh orang –orang Islam melalui perdagangan dan keperluan barangan Timur secara langsung membangkitkan semangat kuasa- kuasa Barat untuk menjelajah ke Timur di samping menguasai perdagangan orang-orang Islam.

4. Persaingan Negara-negara bangsa .

- Negara bangsa seperti Sepanyol dan Portugal bersaing untuk meneroka kawasan-kawasan baru di benua Asia, Afrika dan Amerika.

- Tujuan mereka ialah untuk memperoleh bahan-bahan mentah dan pasaran baru bagi barang-barang mereka.

5. Galakan daripada pemerintah.

- Raja-raja Negara bangsa memberi galakan kepada masyarakatnya untuk menjelajah dan meneroka.

- Tujuannya adalah untuk mengumpul kekayaan. Para pemerintah juga memberi hadiah yang lumayan dan gelaran sebagai insentif kepada para peneroka.

6. Kesan Perang Salib.

- Membuka peluang kepada bangsa Eropah untuk mempelajari tamadun dan kebudayaan Timur.

- Pertembungan budaya membenarkan masyarakat Eropah menimba ilmu dalam pelbagai bidang seperti astronomi, matematik , sains dn geografi serta perebutan dari orang –orang Islam.

- Keadaan ini telah mengubah cara pemikiran bangsa Eropah kepada lebih terbuka.

- Perang salib juga membuka peluang kepada Eropah untuk mengenali dunia Timur dan memperolehi barang-barang berharga dari Timur yang dikuasai oleh saudagar- saudagar Arab .

- Masyarakat Eropah juga mempelajari ilmu pelayaran hasil daripada penaklukan Islam di Sepanyol. Ilmu ini dapat membantu mereka menjelajah ke dunia luar.

7. Kemajuan teknologi pelayaran.

- Pengetahuan teknikal tentang geografi dan pelayaran menggiatkan kegiatan penjelajahan dan penerokaan.

- Alat-alat seperti kompas magnetik dan astrolab dicipta untuk memudahkan pelayaran. Kompas digunakan untuk menunjukkan arah dan astrolabe digunakan untuk menentukan longitude.

- Masyarakat Eropah mempunyai peta yang lengkap tentang benua Eropah dan laut Mediterranean pada abad ke 15 yang memudahkan lagi aktiviti pelayaran.

- Dengan bantuan alat-alat pelayaran, kapal-kapal yang kukuh dapat dibina untuk belayar di lautan yang luas.

8. Penyebaran agama Kristian.

- Golongan paderi Kristian dan raja-raja Eropah bercita-cita untuk mengembangkan agama Kristian di dunia luar.

- Para pendakwah Kristian dengan para saudagar inginmeneroka ke tempat-tempat baru iaitu Amerika, Asia dan Afrika.

- Contohnya, Portugal menakluki kerajaan Melayu Melaka dan salah satu daripada tujuannya ialah menyebarkan agama Kristian.

9. Maklumat dan pengetahuan tentang dunia luar.

- Sumber maklumat dan pengetahuan tentang dunia luar diperolehi daripada orang Islam Arab pada Zaman Pertengahan Awal

- Catatan-catatan seperti pengalaman Marco Polo mengembara ke China dan perkhidmatan rahib John Monte Corvino di India, Parsi dan China telah mendorong penjelajahan orang-orang Eropah.

- Maklumat-maklumat yang diperolehi tentang India dan China telah menarik minat para penjelajah seperti Christopher Colombus.

10. Sumber ekonomi.

- Kuasa Barat seperti Portugal memerlukan barangan dari Timur seperti barangan mewah dan rempah ratus yang banyak untuk mengawet daging pada musim dingin.

Kesimpulan. (1 markah)

- Faktor-faktor yang dibincangkan ini telah mendorong penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa besar di Eropah dan dilancarkan secara besar-besaran pada abad ke 15 dan ke 16 Masihi.

8. Bandingkan ciri-ciri seni bina Islam dan Rom.

Pengenalan (3 markah)

1. Konsep seni bina

a. Maksud seni bina ialah kecekapan merancang dan membuat bangunan yang indah sesuai dengan maksud dan tujuan.
b. Seni bina melibatkan peralatan, kekukuhan dan memberi kesenangan dan keselesaan kepada pemilik .

2. **Latar belakang seni bina Rom** - dipengaruhi oleh seni bina Etruscan dan Yunani.

3. **Latar belakang seni bina Islam** bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dengan pembinaan masjid Quba dan Nabawi. Bidang seni semakin berkembang bermula pada zaman Khalifah Umar al Khattab .

Isi-isi (5 isi x 4 markah = 20 markah)

1. Tujuan

Seni bina Islam

- menitik beratkan keseimbangan pembangunan aqidah, syarak dan akhlak. Penekanannya kepada fungsinya, iaitu untuk pembangunan insaniah (rohani, jasmani dan aqidah).
- Dan bukan bertujuan untuk menunjukkan kebesaran dan kemegahan .
- Oleh itu , senibina Islam mempunyai bentuk yang sederhana dan menitik beratkan aspek kegunaan.

Seni bina Rom

- Bertujuan untuk memperkukuhkan empayar dan pemujaan kepada Maharaja.
- Ciri-ciri bangunan dan hiasan ukirannya melambangkan kejayaan dan kehebatan Maharaja.
- Ini menyebabkan maharaja-maharaja yang memerintah Rom berusaha membina bangunan yang besar. Bangunan Colosseum melambangkan kehebatan pemerintah Vespasian (Tahun 69M).

2. Kegunaan

Seni bina Islam

- mementingkan aspek fungsi setiap bangunan.Ruang dan hiasan seni bina masjid , institusi pendidikan(Darul Hikmah) dan bangunan awam yang lain diselaraskan dengan fungsinya. Sebagai contoh, seni bina masjid juga mengambil kira kegunaannya sebagai pusat ibadat,aktiviti kemasyarakatan dan pusat pengajian.

Senibina Rom

- juga menekankan aspek utilitarian (kegunaan) dengan membina bangunan awam untuk kemudahan dan kegunaan orang ramai.
- Bangunan Coloseum merupakan sebuah teater atau gelanggang untuk pelbagai permainan.Bangunan ini boleh mengisi penonton seramai 50,000 orang.
- Seni bina awam yang lain ialah sarkas, kolam mandi dan saluran air (akuadak).

3. Keselesaan

Seni bina Islam

- menekankan ruang dalam bangunan yang selesa . Masjid dibina mempunyai ruang untuk kemasukan cahaya dan pengudaraan untuk keselesaan beribadah.
- Sementara itu, seni bina rumah kediaman, mempunyai ruang bersifat persendirian dan memisahkan kaum lelaki dan wanita

Seni bina Rom

- Bangunan-bangunan Rom juga mengambil kira aspek keselesaan.
- Kebanyakan bangunannya besar dan luas. Bangunan Colosseum mampu menampung150,000 orang penonton untuk menyaksikan perlumbaan kereta kuda.

4. Struktur binaan

Seni bina Islam

- Dalam senibina Islam, bangunan yang dibina kukuh dan selamat untuk masa yang lama. Masjid-masjid yang dibina di zaman Bani Umaiyyah dan Abassiyah menggunakan teknologi tinggi dan dapat bertahan ribuan tahun. Bahan binaannya ialah seperti batu-bata dan besi.

Seni bina Rom

- Bangunan-bangunan awam di Rom kebanyakannya dibina dengan menggunakan batu-bata dan konkrit yang kukuh.Bahan konkrit telah menjadi bahan yang standard dalam pembinaan Aqeduct.

5. Kekemasan bangunan.

Seni bina Islam

- Seni bina Islam di Tanah Arab mementingkan kemasan bangunan untuk memperlihatkan nilai estatika .
- Pembinaan masjid di zaman Bani Umaiyyah telah dihiasi dengan kemasan dalaman yang berharga .
- Masjid Umawi telah dihiasi dengan tiang marmar dan lampu yang hiasan menarik.
- Khalifah al-Walid telah menyempurnakan pembinaan masjid Al Aqsa dengan hiasan batu permata kuning dan hijau. Jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah.
- Kepingan jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah. Kepingan jubin yang berkilat dan berwarna- warni digunakan untuk menghiasi mihrab, dinding masjid dan bumbung istana.

Senibina Rom

- sama juga dengan seni bina Islam dihiasi dengan kemasan marmar dan mozek.
- Bangunan Pantheon yang dibina oleh Maharaja Hadrian (125M) telah diperkenalkan dengan hiasan mozek dan lapis dinding daripada batu marmar.

6. Reka bentuk

Seni bina Islam

- Melambangkan ketaatan kepada Allah.
- Bercirikan luahan perasaan , keamanan dan tidak bertentangan dengan kerohanian.
- Reka bentuk masjid dilengkapi dengan mihrab , kubah dan menara.
- Kebanyakan kubah berbentuk oval dan melengkung
- Bulan sabit dan bintang menjadi lambing kesenian islam di puncak masjid dan istana

Seni bina Rom

- Dipengaruhi seni bina Yunani dan Asia.

- Bangunannya terdiri daripada binaan pintu gerbang , bumbung yang melengkung , arked , kubah , tiang dan bangunan bandar.
- Pantheon merupakan sebuah kuil berbentuk kubah yang tidak disokong oleh tiang

I

7. Hiasan tulisan dan Ukiran

Seni bina Islam

- Bahagian dalam dihiasi dengan ukiran yang tidak bertentangan dengan akidah dan akhlak Islam.
- Tulisan khat dan corak awan larat menjadi motif ukiran yang terkenal.
- Masjid Suriah dihiasi dengan ukiran khat ayat al-Quran yang indah

Seni bina Rom

- Bangunan dihiasi dengan ukiran potret dan ukiran timbul
- Zaman Augustus dan Claudius , tempat pemujaan , tiang bangunan dan pintu gerbang dihiasi dengan ukiran timbul potret yang menggambarkan kemenangan dan pencapaian Rom.
- Antara ukiran bangunan ialah Imperial Processions dan Spoils From The Temple In Jurusalem.

Kesimpulan (2 markah)

* Apa sahaja yang berkaitan

SKEMA JAWAPAN - BAHAGIAN B

9. Jelaskan maksud Jahiliah serta huraikan tentang bentuk-bentuk agama dan kepercayaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.

Pendahuluan (3 markah)

a) Maksud Jahiliah.

-Jahiliah berasal dari perkataan "jahil" yang bermaksud bodoh. Menurut Philip K. Hitti dalam bukunya "History of the Arab's", jahiliah bermaksud bodoh atau jahil dari segi agama kerana pada ketika itu, tidak ada nadi dan tidak ada kitab suci yang boleh dijadikan sebagai petunjuk. Mereka tidak boleh dianggap jahil atau bodoh dari segi ilmu pengetahuan kerana mereka telah mempunyai tamadun yang tinggi.
-Al-Quran tidak memberi batas tertentu bagi zaman jahiliah. Kamus Bahasa Arab menyebutkan zaman jahiliah sebagai zaman sebelum Islam, iaitu sebelum turunya al-Quran.
-Menurut Doktor Mahyuddin, zaman jahiliah ialah kira-kira 300 tahun sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., iaitu selepas kejatuhan Kerajaan Sabak.
-Masyarakat Arab Jahiliah mempunyai agama dan kepercayaan mereka sendiri.

Isi Jawapan (5 x 4 markah =20 markah)

Bentuk-bentuk agama dan kepercayaan masyarakat Arab sebelum Islam.

1) Agama Berhala

Agama berhala merupakan agama yang mempunyai pengikut terbesar di Semenanjung Tanah Arab. Berhala tersebut diperbuat daripada batu, kayu dan kadang-kala dari buah tamal (kurma). Tiap-tiap kabilah mempunyai patung berhala masing-masing. Antara berhala yang terkenal termasuklah al-Latta, al-Uzza, al-Manat dan al-Hubal. Sebahagian penduduk Tanah Arab tidak menganggap berhala Tuhan tetapi hanya sebagai perantaraan. Kepercayaan mereka bercampur-aduk antara percaya kepada Allah dan percaya berhala. Mereka ini dikenali sebagai golongan musyirikin, iaitu orang yang menyekutu Allah.

2) Agama Majusi

Agama ini tidak diamalkan seluas oleh orang-orang Arab Jahiliah. Ia dibawa masuk selepas Parsi berjaya mengalahkan Habsyah di Yaman pada akhir abad ke-6 Masihi. Penganut agama ini menjadikan api sebagai objek ketuhanan mereka. Di antara penganut agama ini yang terkenal ialah Zararah dan anaknya Hajib. Mereka berasal dari Bani Tamin yang sememangnya mempunyai hubungan dengan Parsi. Agama ini terbahagi kepada 3 mazhab iaitu Kayumarthiyah, Zarwaniyah dan Zaradushtiyah.

3) Agama Yahudi

Agama ini adalah berdasarkan kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. berpandukan kepada kitab taurat. Agama ini tersebar luas terutamanya di kawasan-kawasan Osis di Barat Laut Semenanjung Tanah Arab, iaitu Tai'ma Khaiba, Padak dan Yathrib. Orang-orang Yahudi berasal dari Palestine. Mereka berhijrah ke Semenanjung Tanah Arab sejak abad pertama Masihi. Mereka telah menjadi kaya-raya dan berjaya menarik perhatian orang-orang Arab untuk menganut agama Yahudi. Orang-orang Yahudi menganggap diri mereka sebagai bangsa pilihan dan mereka menganggap al-Uzarr sebagai anak tuhan. Di antara tokoh terkenal yang menganut agama ini ialah Yusof Zu Nuwas.

3) Agama Nasrani

Agama Nasrani adalah agama yang berdasarkan kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Isa a.s. pada tahun 1 Masihi. Ia dibawa ke Semenanjung Tanah Arab oleh golongan pendakwah, pedagang-pedagang atau paksaan oleh tentera Rom atau Habsyah atas tanah jajahan mereka. Agama ini dapat sambutan dari penduduk Mekah dan Yathrib. Di antara tokoh terkenal yang menganut agama ini termasuklah Warraqah Bin Naufal dan Uthman Bin Huwairith. Agama ini mempunyai 2 mazhab iaitu Mazhab Nestorian yang berkembang di kawasan Hirah dan Mazhab Jacobite yang dianuti oleh penduduk Ghassan dan kabilah-kabilah lain di sempadan Syria / Syam. Pusat agama Kristian yang utama di Semenanjung Tanah Arab ialah Najran. Bandar Najran terus menjadi bandar Nasrani hingga ke zaman Khalifah Umar. Malah terdapat pusat latihan paderi Nasrani di Wadi al-Qura, iaitu kawasan pedalaman Timur Hijaz.

4) Agama Hanif

Agama ini adalah berdasarkan kepada ajaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Penganut agama ini mempercayai konsep keesaan Allah ataupun monoteisme. Di antara mereka yang menganut agama ini termasuklah Zaid b'Amr, Umaiyah Bin Abi Salt, juga kedua-dua ibu bapa nabi sendiri. Walau bagaimanapun, agama ini telah diselewengkan oleh golongan-golongan tertentu seperti juga agama Yahudi dan Nasrani, misalnya mereka menyembelih binatang korban dan darahnya dipercikkan di sekeliling kaabah.

5) Kepercayaan Animisme

Kepercayaan ini wujud bersama dengan kewujudan manusia. Ia berpunca dari sifat kagum manusia terhadap sesuatu objek yang ditemuinya. Mereka percaya wujudnya satu kuasa yang boleh menolong atau memberi mudarat kepada mereka. Oleh itu, mereka menyembah apa sahaja yang dianggap ganjil termasuklah bulan, matahari, pokok, batu, gua dan sebagainya.

6) Kepercayaan Adat (Sunah)

Kepercayaan adat dianggap sebagai unsur-unsur karut dan tahyul. Antara kepercayaan yang diamalkan ialah menilik nasib. Apabila memulakan sesuatu kerja baru, mereka akan melihat keadaan sekeliling bagi mengjangka nasib. Biasanya, mereka akan melihat arah burung terbang. Jika burung terbang ke kiri bermaksud tidak selamat dan sebaliknya.

Kesimpulan (2 markah)

-Terdapat banyak agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat arab sebelum Islam. Semua agama itu bertentangan dengan agama Islam kecuali agama Hanif yang ada sedikit persamaan.

10. Jelaskan faktor serta cara penentangan Quraisy Mekkah terhadap dakwah Nabi Muhammad S.A.W dan huraikan cara baginda menghadapi penentangan itu.

Pendahuluan (3 markah)

Biodata Nabi Muhammad S.A.W.

-Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan pada 12 Rabiuawal Tahun Gajah bersamaan dengan 571 Masihi di Mekah. Ibunya bernama Aminah binti Wahab. Ibunya telah meninggal dunia apabila Nabi Muhammad 6 tahun. Bapanya bernama Abdullah Abdul Muttalib dan beliau meninggal dunia apabila nabi dalam kandungan.

-Sewaktu baginda berusia 40 tahun, datanglah malaikat Jibril membawa wahyu pertama, iaitu ayat 1-5, surah al-Alaq.

-Wahyu kedua kepada Nabi Muhammad iaitu Surah al-Mudathir dan turunnya surah ini telah mengesahkan pelantikan baginda sebagai seorang Nabi dan Rasul Allah dan baginda wajib menyampaikan dakwah Islam.
-Mulanya nabi menyampaikan dakwah secara sulit,bila mendapat perintah dari Allah maka nabi menyampaikan dakwah secara terbuka. Wujud penentangan daripada kaum Musyrikin Makkah.

Isi Jawapan (20 markah)

A) Faktor-faktor penentangan (4 x 2 markah = 8markah)

1. Agama dan Kepercayaan:

Ajaran agama Islam jelas bertentangan dengan kepercayaan mojoriti musyrikin Arab yang menganuti pelbagai bentuk agama dan kepercayaan seperti agama Wathani, Majusi, Nasrani dan Animisme. Ajaran Islam yang memberi amaran tentang adanya Hari Pembalasan telah menakutkan majoriti musyrikin Arab yang tidak percaya akan adanya Hari Pembalasan.

2. Ekonomi:

Penyebaran agama Islam didakwa telah menyebabkan kemerosotanKota Makkah sebagai pusat perdagangan dan pembuatan patung-patung berhala di Semenanjung Tanah Arab dan tidak lagi dikunjungi oleh tetamu bangsa lain.Golongan artisan dan peniaga patung berhala terjejas pendapatan tetap mereka.

3. Politik:

Kehadiran dan kegiatan Nabi Muhammad telah menyebabkan golongan Quraisy Bani Umaiyah yang merupakn penguasa kota Makkah berasa terancam dengan keturunan Rasulullah iaitu Bani Hashim. Pengaruh Bani lain turut merosot.

4. Sosial:

Konsep persamaan taraf dalam Islam bertentangan dengan sistem feudal yang diamalkan oleh majoriti Musyrikin Arab. Musyrikin Arab memandang tinggi dan mulia terhadap golongan kaya, perkasa dan berpengaruh. Kegiatan sosial mereka yang lebih mementingkan keseronokan duniawi seperti berzina dan minum arak akan tersekat.

B) Cara-cara penentangan (4 x 2 markah = 8markah)

1. Menghina Nabi Muhammad dan juga ajaran Islam:

Orang Musyrikin mencabar Nabi Muhammad supaya menunjukkan mukjizat seprti nabi-nabi yang terdahulu.

2. Menghasut Abu Talib:

Pihak Quraisy cuba mempengaruhi bapa saudara baginda iaitu Abu Talib supaya menyerahkan baginda kepada mereka tetapi tawaran mereka tidak diterima oleh Abu Talib kerana beliau menyebelahi Rasulullah.

3. Menyogok Rasulullah:

Kaum Quraisy cuba memujuk Nabi dengan menawarkan perempuan, harta dan pangkat dengan syarat baginda meninggalkan seruan Islam, tetapi tawaran ini ditolak oleh baginda.

4. Menggunakan cara kompromi:

Kaum Quraisy mencadangkan agar Nabi Muhammad menyembah berhala dan mereka akan menyembah tuhan baginda.Tawaran ini juga ditolak oleh baginda berdasarkan perintah Allah dalam surah Al-Kafirun.

5. Menggunakan tindakan keras:

Kaum Quraisy melakukan penyeksaan ke atas orang Islam. Ramai golongan-golongan hamba yang memeluk Islam khususnya dizalimi tanpa perikemanusiaan sehingga mereka menemui ajal dan gugur di jalan Allah. Namun begitu, bilangan orang yang memeluk Islam terus bertambah.

6. Memulaukan golongan Bani Hasyim:

Orang Quraisy telah menggunakan taktik baru untuk melemahkan umat Islam dengan cara memulaukan kaum keluarga Nabi. Pemulauan yang berlangsung selama kira-kira 3 tahun itu mengandungi larangan melakukan urusan jual beli, perkahwinan dan memberi pertolongan kepada keluarga Nabi.

C) Cara baginda menanganinya (4 x 1 markah = 4markah)

1. Menyeru umat Islam bersabar:

Baginda menyeru kepada umat Islam yang ditindas agar bersabar dengan dugaan Allah terhadap kezaliman dan penyeksaan yang dihadapi.

2. Merdekakan hamba

Menyeru golongan hartawan dan berkemampuan membeli dan menebus serta memerdekakan golongan hamba yang telah menganuti agama Islam yang diseksa seperti Bilal Bin Rabah.

3. Mencari perlindungan

Berlindung dengan pemimpin Quraisy yang berpengaruh yang bersikap berkecuali seperti Abu Talib Bin Abu Mutalib.

4. Bersabar dan meneruskan dakwah kepada golongan lain

Berdakwah kepada rombongan haji tradisi Arab dan langkah ini Berjaya menarik minat golongan Arab di Yathrib terhadap agama Islam dan menandatangani Perjanjian Aqabah 1 dan Aqabah 2.

5. Berhijrah:

Baginda menyeru kepada golongan umat Islam supaya berhijrah ke Habsyah kerana pemerintahnya yang bernama Najasyi ialah penganut agama Nasrani yang adil dan bertanggungjawab, berhijrah ke Taif dan ditolak oleh masyarakat Yahudi di sana serta berhijrah ke Yathrib pada tahun 622 Masihi.

Kesimpulan (2 markah)

-Penghijrahan Nabi Muhammad ke Yathrib pada tahun 622 Masihi telah meredakan penentangan hebat golongan Musyrikin Arab dan menjadi asas kemenangan umat Islam dari segi jangkamasa panjang.

11. Nyatakan faktor-faktor dan kesan penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W dari Makkah ke Madinah.

Pendahuluan (3 markah)

a) Konsep Hijrah

Hijrah ertinya ‘ perpindahan ‘, iaitu perpindahan orang Islam dari Makkah ke Madinah bermula pada 1 Muharram dan tarikh ini merupakan bermulanya tahun hijrah dalam kalendar Islam.

Orang Islam telah merangka strategi yang cukup teliti untuk berhijrah bagi memastikan kejayaannya dari segi agama, moral, sosioekonomi dan politik. Madinah dipilih sebagai tempat hijrah kerana kesesuaiannya dari segi agama, moral dan sosioekonomi.

Orang pertama yang berhijrah ke Madinah ialah Abu Salamah bin Abd al-Asad pada 1 Muharam tahun pertama Hijrah (16 julai 622 M). Rombongan pertama yang berhijrah ke Madinah ialah seramai 70 orang dan mereka berhijrah dalam kumpulan-kumpulan kecil agar tidak diketahui oleh kaum Musyrikin Makkah .

Isi Jawapan (20 markah)

Faktor-faktor penghijrahan (5x 2 markah = 10 markah)

1) Bai'at Aqabah

Termeterainya Bai'at Aqabah mempercepatkan lagi proses Hijrah. Melalui Bai'at ini, Nabi telah dapat menjangka sambutan penduduk Madinah adalah lebih baik. Dalam Bai'at Aqabah pertama, hanya 12 orang yang terlibat manakala dalam Bai'at Aqabah kedua, bilangannya telah meningkat kepada 73 orang. Orang Madinah bukan sahaja mahu menerima Islam tetapi sanggup memberi perlindungan kepada Nabi dan orang Islam.

2) Tekanan Musyirikin Mekah

Tekanan / Ancaman dari musyirikin Mekah telah mendorong Nabi dan orang Islam berhijrah ke Mekah. Nabi dan orang-orang Islam telah dihina, diseksa dan dipulau. Malah, Nabi sendiri telah diancam untuk dibunuh. Orang-orang musyirikin mula menunjukkan penentangan mereka apabila Nabi menyebarkan Islam secara terbuka. Mereka bimbang kedudukan mereka dari segi politik, ekonomi dan sosial akan terjejas.

3) Kegagalan Dakwah di Taif

Kegagalan dakwah di Taif menyebabkan Nabi cuba mengalihkan perhatian ke tempat lain, iaitu Madinah. Kedatangan penduduk Madinah ke Mekah dan kesungguhan mereka untuk menerima dan menyebarkan Islam memberi satu gambaran yang baik kepada Nabi. Penduduk Taif ternyata tidak mahu menerima Islam memandangkan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Quraisy di Mekah.

4) Kematian Abu Talib dan Khadijah

Kematian Abu Talib dan Khadijah telah menyebabkan Nabi kehilangan tempat untuk berlindung. Ia sedikit sebanyak meninggalkan kesan ke atas Nabi. Khadijah adalah seorang isteri yang sangat setia dan sanggup mengorbankan segala-galanya untuk Nabi dan orang Islam. Abu Talib pula walaupun tidak menerima Islam, tetapi beliau tetap melindungi Nabi dari ancaman.

5) Mencari Tempat Baru untuk Berdakwah

Nabi berhasrat untuk mendapatkan sebuah tempat baru untuk berdakwah memandangkan sambutan dari penduduk Mekah kurang menggalakkan. Nabi agak kecewa dengan sikap penduduk Mekah. Di Mekah selama 13 tahun, bilangan yang menerima Islam agak kecil berbanding dengan tempoh 10 tahun Nabi berdakwah di Madinah.

6) Persediaan Penduduk Madinah Menerima Nabi

Persediaan penduduk Madinah menerima Nabi telah mendorong Nabi berhijrah ke sana. Penduduk Madinah sangat berharap Nabi dapat membantu mereka menyelesaikan perbalahan antara orang Arab dan Yahudi, juga antara orang Arab dan Arab, khususnya antara Aus dan Khazraj. Perbalahan ini berpunca dari perebutan kuasa di Madinah.

7) Kedudukan Madinah yang Strategik

Kedudukan Madinah di tengah-tengah jalan perdagangan antara Syam dan Yaman sangat sesuai untuk dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam. Ia juga berpotensi menyaingi kedudukan Mekah sebagai pusat perdagangan. Dengan ini, Madinah bukan sahaja dapat dijadikan sebagai sebuah negara yang kukuh dari segi politik tetapi juga ekonomi.

8) Penduduk Madinah Hampir dengan Agama Samawi

Penduduk Madinah kebanyakannya sudah mengetahui serba sedikit tentang agama Samawi, terutamanya melalui cerita-cerita yang dibawa oleh orang Yahudi. Pengetahuan ini memudahkan mereka memahami dan menerima ajaran yang dibawa oleh Nabi. Lagipun, penduduk Madinah mempunyai sifat-sifat semulajadi yang lebih lembut berbanding penduduk Mekah.

9) Wahyu

Hijrah berlaku apabila Nabi menerima wahyu dari Allah yang mengizinkan orang Islam berhijrah. Wahyu tersebut ialah ayat 30, Surah al-Anfal. Ayat tersebut mengingatkan Nabi tentang pakatan yang dilakukan oleh orang musyirikin Mekah terhadap Nabi. Wahyu ini menggesa Nabi supaya segera berhijrah ke Madinah.

Kesan-kesan penghijrahan.(5 x 2markah = 10 markah)

1. Umum

Dapat mempergiatkan penyebaran agama Islam
Hijrah merupakan suatu proses jangka panjang dalam perjuangan umat Islam dan dilakukan secara terancang dan teratur dari segi kerohanian dan kebendaan.
Nabi Muhammad (SAW) mendapat teman yang setia, jujur dan ikhlas dalam mengharungi perjuangan iaitu Ali dan Abu Bakar.
Keredaan dan restu daripada Allah perlu sentiasa dipohon terutama di waktu-waktu kesusahan.

2) Perubahan Pusat Gerakan Islam Perkembangan politik

Pusat gerakan Islam berpindah ke Madinah dimana kegiatan Islam dapat dijalankan dengan lebih aman dan bebas dari ancaman kaum Quraisy. Penyebaran Islam mula dapat dijalankan secara bebas dan terbuka tanpa ancaman kaum Quraisy. Ajaran-ajaran Islam diamalkan dengan bebas tanpa kekhuatiran dimana-mana sahaja bahagian kota Mekah. Bidang politik mempunyai kaitan langsung dengan kegiatan ketenteraan di mana kegiatan ketenteraan Islam berkembang dengan pesat dan berjaya menundukkan dua buah empayar besar iaitu Parsi dan Rom.

3) Penyebaran Islam Semakin Meluas

Ajaran Islam dapat disebarkan dengan lebih meluas dan pesat. Penyebarannya begitu meluas sehingga melepasi sempadan politik Mekah dan Madinah. Nabi Muhammad telah menghantar utusan kepada pemerintah Rom, Farsi, Habsyah, Ghassan, Mesir, Bani Bakar dan sebagainya yang menyeru mereka kepada agama Allah. Di antara yang menerima utusan tersebut ialah Heraclius (Maharaja Byzantine), Muqaucis (pemimpin golongan Qibbi di Mesir), Najashy (Maharaja Habsyah) dan Kisra Farsi.

4) Perubahan Kedudukan Nabi

Baginda tidak lagi diancam secara fizikal atau dihina oleh kaum Quraisy. Malah baginda menjadi pemimpin utama Madinah yang dihormati dan disegani.
Semasa di Madinah, baginda turut menjadi hakim, ketua negara, panglima

perang, guru agama, pemimpin umat dan sebagainya. Peranan itu tidak dapat dimainkan semasa baginda di Mekah.

5) Pertambahan Umat Islam

Hijrah umat Islam adalah atas arahan Allah dan merupakan pekerjaan yang berkaitan dengan agama. Tujuan utama hijrah adalah untuk menuntut keredaan Allah. Madinah dipilih adalah kerana kesesuaiannya untuk dijadikan pusat penyebaran agama Islam. Peristiwa hijrah ke Madinah juga terdapat banyak unsur-unsur mukjizat yang berkaitan dengan aspek keagamaan secara langsung dan dapat mempertingkatkan iman dan keyakinan orang Islam.Umat Islam semakin bertambah dan terdiri dari dua golongan iaitu golongan Ansar dan Muhajirin. Golongan Ansar ialah orang Madinah yang menganut agama Islam. Majoritinya ialah kaum Aus dan Khazraj. Golongan Muhajirin ialah umat Islam Mekah yang mengikut Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah. Muhajirin bermakna "penghijrah". Pertumbuhan masyarakat Islam ini mewujudkan sebuah ummah Islamiyah. Umat Islam menjadi semakin kukuh dan mampu mempertahankan diri mereka.

6) Penubuhan Negara Islam

Kota Madinah menjadi negera Islam yang pertama di dunia apabila Nabi berjaya membentuk Piagam Madinah. Ia menukarkan imej kota Madinah yang hampir dikuasai oleh kaum Yahudi kepada sebuah kota Islam. Piagam ini dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di dunia kerana ia mempunyai negara yang ditentukan kawasannya, mempunyai ummah yang tertentu dan menyentuh hak-hak seluruh masyarakat.

7) Perubahan Kehidupan Masyarakat Madinah

Sebelum Nabi Muhammad berhijrah, penduduk Madinah hidup dalam suasana Jahiliah tanpa sistem undang-undang yang teratur. Keadilan terletak pada kekuatan. Manusia yang lemah sering ditindas. Dengan kedatangan Nabi, sistem perundangan yang teratur diperkenalkan. Peraturan ini meliputi hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat seperti bidang ekonomi, kekeluargaan, pemerintahan dan sebagainya. Semua penduduk Madinah hidup bebas dari penindasan.

8) Menamatkan Permusuhan Tradisi Golongan Ansar

Konflik diantara suku Aus dan Khazraj ditamatkan dengan mempersaudarakan mereka dengan ikatan semangat Ukhuwwah Islamiyah. Sebelum itu, mereka saling bermusuhan. Peperangan sering tercetus sesama mereka. Peperangan yang terakhir ialah Perang Bu'ath pada 618 M di antara suku Aus dan Khazraj yang mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.

9) Permulaan Kalendar Hijrah

Tarikh penghijrahan Nabi Muhammad dijadikan sebagai titik terawal bagi pengiraan sistem kalendar Islam iaitu Tahun Hijrah. Hal ini dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab pada 634 M. Takwim ini mengikut peredaran bulan.

Dalam setahun mengandungi 12 bulan atau 354 hari. Setiap bulan mempunyai 29-30 hari.

10) Perubahan Dasar Politik

Umat Islam mula menjalankan dasar politik bercorak offensive iaitu menentang apa sahaja penentangan Quraisy secara kekerasannya. Perubahan dasar ini dilakukan setelah turunnya Suruh al-Hajj. Sebelum itu, mereka hanya bertahan dan bersabar.

11). Pertumbuhan Ekonomi

Kedudukan ekonomi orang Islam sewaktu di Madinah semakin kukuh. Orang-orang Muhajirin telah diberi bantuan oleh orang Ansar. Selain itu, Madinah merupakan kawasan yang sesuai untuk pertanian dan kedudukannya yang strategik untuk perdagangan. Setelah hijrah, sistem ekonomi Islam yang bertepatan dengan syariat Islam telah diperkenalkan dan ekonomi masyarakat Islam bertambah kukuh dan negara Islam menjadi lebih makmur dan stabil.

12) .Sosial (pembentukan ummah)

Semasa di Makkah, masyarakat Jahiliah mengamalkan cara hidup berkabilah sementara para peniaga pula bersifat individualistik. Penghijrahan telah menghapuskan nilai-nilai masyarakat Jahiliyah dan digantikan dengan nilai-nilai murni berpandukan akidah dan akhlak. Dalam sistem sosial Islam, setiap orang diberi kebebasan tanpa mengira kaum, agama dan keturunan di mana hidup berkabilah telah digantikan dengan sistem sosial dalam bentuk Ummah.

Kesimpulan (2 markah)

Sejarah penghijrahan Nabi Muhammad (SAW) merupakan perjuangan Baginda untuk menegakkan ajaran agama Islam. Baginda didorong dan didesak oleh keperluan untuk mencari sesuatu yang lebih baik dan lebih menguntungkan demi kebahagiaan dan kesejahteraan umat Islam. Umat Islam harus mengambil iktibar daripada penghijrahan Rasullulah (SAW) untuk meneruskan perjuangan hidup demi kebaikan umat Islam.

Penghijrahan ini juga telah membuka satu lembaran baru dalam episod penyebaran dan perkembangan agama Islam.Terlalu banyak kebaikan yang dinikmati oleh umat Islam dan umat manusia rentetan dari penghijrahan tersebut.

12. Bincangkan isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah dan terangkan kesannya terhadap perkembangan syiar Islam.

Pendahuluan. (3 markah)

Peristiwa Hudaibiyah atau Latar Belakang Hudaibiyah.

Perjanjian Hudaibiah telah ditandatangani oleh Nabi Rasulullah s.a.w dengan orang-orang Musyrikin Makkah pada tahun 628 Masihi (6 Hijrah) di satu tempat bernama Hudaibiyah.

Isi Jawapan .(20markah)

(a)Kandungan Perjanjian Hudaibiyah (5 x 2 markah =10 markah)

1) Genjatan senjata 10 tahun

-Mereka bersetuju untuk berdamai tanpa melibatkan sebarang peperangan selama 10 tahun.Dalam tempoh tersebut mereka tidak boleh bermusuhan.

2) Musyrikin Makkah menganut Islam mesti dihantar balik

-Sesiapa di antara orang Musyrikin Quraisy yang menganuti agama Islam tanpa izin walinya iaitu ibu bapa atau penjaganya hendaklah dikembalikan kepada kaum
keluarganya atau kembali kepada agama asalnya.

3) Orang Islam memihak kepada Musyrikin tidak perlu dihantar balik

-Pihak Musyrikin tidak perlu mengembalikan semula andainya terdapat di kalangan umat Islam yang memihak kepada golongan Musyrikin atau menganut agama lain.

4) Suku/Kabilah Arab bebas meyokong Islam atau Musyrikin.

-Setiap orang tahu kabilah bebas sama ada hendak menyokong kaum Musyrikin Makkah atau pihak Islam.

5) Ibadat Umrah boleh dilakukan tahun berikutnya.

-Umrah bagi umat islam pada tahun 628 Masihi itu ditangguhkan ke tahun hadapannya dengan syarat tidak membawa senjata dan hanya dibenarkan tinggal di Makkah tidak lebih daripada tiga hari.

(b)Kepentingan Perjanjian Hudaibiyah (5 x 2 markah =10 markah)

1) Peluang menunaikan ibadat haji

-Orang Islam berpeluang bagi menunaikan ibadat haji pada tahun 629 Masihi. Perjanjian ini telah memberi kebebasan kepada orang islam untuk memasuki kota Makkah dan melakukan ibadat di kaabah pada bila-bila masa.

2) Dakwah Islam semakin tersebar

-Nabi Muhammad s.a.w dapat merangka program dakwah Islamiyah ke seluruh pelosok Semenanjung tanah Arab secara aman dan umat Islam semakin bertambah..

3) Pengislaman tokoh-tokoh penting Quraisy.

-Pengislaman tokoh-tokoh penting Arab Quraisy seperti Khalid al Walid, Amr bin Al-As dan Uthman bin Talhah menjadi ikutan kepada orang-orang rab Quraisy yang lain.

4) Ketokohan/kebijaksanaan Nabi

-Melambangkan ketokohan unggul Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin yang amat dikagumi. Baginda bukan sahaja bijak malah merupakan pemimpin yang mempunyai wawasan dan berfikir 10 langkah ke hadapan.

5) Negara Islam Madinah diiktiraf dan makin kukuh

-Perjanjian ini menunjukkan orang-orang Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam di Madinah.

KESIMPULAN: (2markah)

Perjanjian Hudaibiyah telah dicabul selepas dua tahun perjanjian ini ditandatangani.Angkatan tentera Rasulullah menuju ke Makkah dan berjaya menguasai Makkah semula tanpa pertempuran yang besar.

13. Huraikan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar al-Khatab.

Pengenalan (3m)

Biodata Khalifah Umar al-Khattab.

- Nama sebenar beliau ialah Umar bin al-Khattab bin Naufal bin Abdul Uzzu bin Rabah bin Abdullah bin Qartu bin Adi bin Kaab dan dilahirkan pada 583 Masihi.

- Merupakan seorang yang tegas, berani dan berterus terang dan terdidik dalam keluarga yang terkenal. Berasal daripada bani Adi dan merupakan seorang yang berketurunan bangsawan Quraisy. Beliau juga digelar al-Faruq (orang yang membezakan yang hak dan batil) dan Abu Hafs kerana kegagahan melindungi umat Islam.

- Dilantik menjadi khalifah pada 13 Ogos 634 M(13 hijrah) berikutan kemangkatan Khalifah Abu Bakar al- Siddiq dan dibuat oleh Saidina Abu baker melalui wasiat ketika beliau sakit dan dipersetujui oleh para sahabat dan orang ramai.

- Beliau wafat ketika berusia 63 tahun setelah memerintah selama 10 tahun.Beliau mati ditikam oleh Abu Lukluah, berbangsa Parsi yang beragama Majusi. Beliau dimakamkan berhampiran makam Rasulullah dan Abu Bakar.

Isi jawapan (7x 3 markah = 21 markah)

1 Pembentukan Majlis al-Syura

- Pembentukan satu majlis mesyuarat atau perundingan yang dinamakan sebagai majlis al-Syura. Beliau sebagai ketua pemerintahan dan ketua negara telah dibantu secara rasmi oleh ahli Majlis Syura yang dianggotai oleh beberapa orang sahabat yang mewakili seluruh rakyat. Majlis ini berfungsi sebagai kabinet negara. Ahli majlis terdiri daripada golongan Muhajirin dan Ansar iaitu Uthman b. Affan, Zaid b. Thabit, Ali b. Abu Talib, Abdul Rahman b. Auf, Saab b. Abi Waqqas dan Muaz b. Jabal Majlis Syura terbahagi kepada dua majlis iaitu majlis tertinggi dan majlis harian.

- Segala masalah penting berhubung dengan negara diselesaikan oleh majlis syura ini yang mana khalifah tidak mempunyai hak istimewa dalam menentukan atau membuat keputusantertentu tanpa mesyuarat majlis. Majlis juga berkewajipan untuk meneliti semua masalah umat Islam dan negara yang diterangkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

2 Meluaskan wilayah pentadbiran

- Beliau berjaya menakluki sebuah kawasan yang luas meliputi wilayah-wilayah Iraq,Syria dan Mesir sehinggakan beliau terpaksa menghadapi masalah pentadbiran wilayah yang

ditakluki dari segi politik,sosial dan ekonomi.Kerajaan Islam pada masa itu berjaya menguasai Baitulmuqaddis dan Damsyik.

3 Mewujudkan Pembahagian wilayah

- Mewujudkan pembahagian wilayah bagi melicinkan pentadbiran negara. Wilayah-wilayah pentadbiran dibahagikan kepada beberapa wilayah (antara 6 hingga 8 wilayah) seperti Madinah, Makkah, jazirah Mesir, Iraq, Wilayah Selatan dan Wilayah Timur. Setiap wilayah ditadbir oleh seorang Gabenor atau wali atau seorang Ketua Setiausaha dan mereka dibantu oleh para pegawai tertentu mengikut jabatan masing-masing. Pegawai-pegawai awam yang lain ialah Ketua Setiausaha Tentera, pegawai pemungut cukai dan hakim wilayah. Disetiap wilayah terdapat pegawai-pegawai tertinggi angkatan tentera.

4 Pelantikan pegawai secara bersurat.

- Dibuat secara bersurat dengan melampirkan senarai tugas dan bidang kuasa mereka. Antara pegawai terkenal dalam pentadbiran belaiu ialah Muawiyah b. abu Sufian, Amru b. al-As, Mughirah b. Syukbah dan Zaid b. Sumaiyah. Setiap pegawai yang dilantik dan berkhidmat untuk negara akan diberi gaji tetap. Terdapat sebilangan pegawai yang tidak mahu menerima gaji kerana sifat takwa mereka. Setiap pegawai juga tidak dibenarkan menunggang atau menaiki kuda Turki iaitu kuda yang cantik, memakai pakaian halus, tidak memakai tepung yang diayak dan tidak menggunakan penjaga rumah pintu kediaman. Ketika dilantik harta mereka turut direkodkan dan jika terdapat sebarang tambahan harta dan diragui pemilikannya maka mereka akan disiasat.

- Semua pegawai dikehendaki datang ke Makkah pada musim haji untuk mendengar taklimat daripada Khalifah Umar serta mengkaji semula keputusan yang telah dibuat dan mendengar aduan daripada orang ramai.

5 Penubuhan Jabatan baru

- Penubuhan jabatan baru yang mana setiap wilayah mempunyai jabatan penting seperti Jabatan Setiausaha Tentera, Jabatan Percukaian, Jabatan Polis, Jabatan perbendaharan Negara dan Jabatan Kadi. Jabatan penyiasatan jenayah ditubuhkan bagi mengawal anggota pentadbiran awam dan tentera yang melakukan penyelewengan. Sehubungan dengan itu beberapa jawatan penting telah diwujudkan bagi mengetuai jabatan-jabatan tersebut. Setiap jabatan diketuai oleh Setiausaha atau khatib dan dibayar gaji bulanan.

- Jabatan kehakiman dipisahkan daripada jabatan lain bagi mengelakkan penyelewengan dan kadi-kadi tidak dibenarkan melibatkan diri dalam perniagaan. Hakim akan menerima 500 dirham sebulan.

6 Penyusunan Sistem ketenteraan

- Khalifah Umat telah menyusun semula sistem ketenteraan dengan membentuk tentera tetap dan tentera sukarela. Beliau menubuhkan Diwan al-Jund (Jabatan Ketenteraan) pada 20 hijrah untuk menjalankan urusan ketenteraan. Tentera tetap telah dibayar gaji dan diberikan pakaian seragam dan gaji tentera dibayar setelah dengan pelbagai skim gaji berdasarkan status yang digariskan oleh Jabatan Tentera tersebut.
- Markas tentera pula telah dibina disempadan yang menghadap kawasan musuh seperti di Madinah, Kufah. Fustat dan Basrah. Tujuannya ialah untuk mempertahankan wilayah-wilayah yang ditakluki serta meneruskan penyebaran agama Islam dikalangan penduduk tempatan

7 Pembaharuan Pembangunan Ekonomi

- Beliau menubuhkan Baitulmal (Institusi Perbendaharaan Negara) bagi tujuan mengumpul dan menguruskan harta dan khazanah kerajaan.Sebarang bentuk hasil negara samada melalui cukai seperti Kharaj(cukai tanah),Jizyah(cukai perlindungan),Ghanimah (harta rampasan perang),Usyur (cukai perniagaan) atau harta peninggalan orang mati yang tiada waris akan dimasukkan ke dalam Baitul Mal.

- Untuk meningkatkan ekonomi, beliau telah membina terusan dan tali air bagi menambahkan lagi hasil pertanian seperti pembinaan Empangan Abu Musa di basrah dan Terusan Amirul Mukminin sepanjang 111 km di mesir. Rakyat juga digalakkan meneroka tanah baru untuk membian pertanian disamping mengusahakan tanah-tanah terbiar.

8 Pembaharuan dalam undang-undang pentadbiran tanah

- Tanah-tanah yang dikuasai oleh tentera Islam dibahagikan kepada dua jenis :
  i) Tanah Dhimmah – tanah bertuan ditadbir pemilik asal.
  ii) Tanah Sawafi – tanah tidak bertuan dan ditadbir oleh pemegang-pemegang amanah yang dilantik daripada ahli al-Ayyam (golongan peneroka)

- Tanah-tanah ini tidak boleh dibeli atau dimiliki oleh sesiapa bagi mengelakkan perpecahan. Tentera atau umat Islam tidak dibenarkan mengambil tanah-tanah di negara jajahan melainkan melalui pembalian.

9 Penggunaan Kalendar Hijrah

- Khalifah Umar adalah orang bertanggungjawab menentukan tahun Hijrah dalam Kalendar Islam. Takwim atau kelendar ini dimulakan pada tahun 17 Hijrah bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran negara terutamanya dalam bidang Pendidikan yang banyak membabitkan penggunaan Tarikh

Kesimpulan (1 markah)

- Kebolehan Khalifah Umar dalam bidang pentadbiran memang diakui umum. Pencapaiannya boleh dikatakan sebagai telah sampai ke tahap maksimum. Berdasarkan kejayaan dan sumbangannya yang besar inilah maka beliau telah diberi gelaran Amir al- Mukminin atau panglima agung Mukmin pada tahun ke-19 Hijrah

14. Perang Uhud merupakan perang yang kedua dalam kalendar Islam dan ia berlaku pada tahun 3 Hijrah.Bincangkan faktor-faktor serta kesan dan pengajaran peristiwa Perang Uhud.

Pendahuluan (3 markah)

a) Peristiwa Perang Uhud

Perang Uhud berlaku pada pertengahan bulan Syaaban tahu 3 Hijrah (21 mac tahun 625 masihi).Peperangan ini nerlaku di kaki bukit Uhud yang terletak kira-kira 4 kilometer di sebelah utara Madinah. Peperangan ini berlaku antara tentera Islam yang dipimpin oleh Nabi Muhammad s.a.w dengan tentera musyrikin Makkah pimpinan Abu Sufyan bin Harb,pemimpin Kota Makkah.Peperangan ini melibatkan tentera Islam Madinah yang mulanya bertolak dalam rombongan seramai 1000 orang tetapi seramai 300 orang yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay bin Salul bertindak balik semula ke Kota Madinah.Maka jumlah sebenar tentera Islam adalah 700 orang berhadapan dengan 3000 orang tentera Musyrikin termasuk tentera berkuda diketuai oleh Khalid al-Walid.Bersama-sama mereka anak dan isteri mereka.Tentera Quraisy dibantu oleh orang0orang Arab Tiharah dan Kinanah dilengkapi 3000 ekor unta dan 200 ekor kuda.Mereka juga membawa ramai wanita diketuai oleh Hindun.Peperangan ini pada mulanya hampir dimenangi oleh tentera Islam,tetapi kerana tidak patuh kepada arahan Nabi dan asyik mendapatkan harta rampasan yang banyak akhirnya tentera Islam tewas.Nabi sendiri cedera dan hampir terbunuh.

Isi jawapan (20 M)

a) Faktor-faktor berlaku Perang Uhud (5 x 2 markah = 10 markah)

1) Keinginan menebus kekalahan Perang Badar

Orang-orang musyrikin Makkah ingin membalas kekecewaan mereka kalah dalam perang Badar dahulu.

2) Menuntut bela

Orang-orang Musyrikin Makkah ingin menuntut bela atas kematian ayah,saudara dan kaum kerabat semasa perang Badar.Misalnya Khalid al-Walid ingin menuntut bela kematian ayahnya Al-Walid dan Hindun menuntut bela kematian ayahnya Abu Jahal.

3) Angkara orang Yahudi

Kekalahan Quraisy dalam perang Badar tidak disenangi oleh orang Yahudi di Madinah.Akibat tidak menyenangi Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang Islam satu pakatan sulit dilakukan oleh Yahudi Bani Nadir dengan Musyrikin

Makkah.Mereka telah menyerang sebuah kampong berhampiran Madinah sebagai provokasi dan memberi maklumat pertahanan Kota Madinah kepada Abu sufyan.

4) Kebimbangan Quraisy terhadap perdagangan mereka.

Perdagangan antara Kota Makkah dengan Syam merosot kerana Quraisy bimbang keselamatan mereka kerana terpaksa melalui Madinah sebab laluan alternative melalui Iraq sangat jauh dan berbahaya.Mereka berpendapat masalah mereka akan selesai jika Islam di Madinah dihapuskan.Sebab itu mereka merangcang untuk menyerang Madinah.

5) Mahu mengembalikan maruah pemimpin Quraisy

Kekalahan dalam Perang Badar menyebabkan ramai pemimpin Quraisy mati dan maruah mereka tercalar.Pemimpin Quraisy yang masih ada cuba mengembalikan maruah mereka agar mereka sentiasa dipandang mulia dan dihormati.Sebab itu Abu Sufyan beriya-iya mencari jalan untuk berperang dan memenangi peperangan tersebut.

b) Kesan-Kesan Perang Uhud (5 x 2 markah = 10 markah)

1. Islam dipandang rendah

Kabilah-kabilah Arab mula memandang rendah dan serong terhadap umat Islam.Mereka kembali semula kepada kaum Quraisy.Ada yang berani membunuh umat Islam sewenang-wenangnya.Misalnya Bani Bakr yang membunuh seramai 70 orang utusan dakwah Islam di Bir Mauna.

2. Mesti patuh arahan ketua

Perang Uhud memberi pengajaran kepada tentera Islam agar mentaati serta mengikut taktik yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. serta dilarang sama sekali mengingkari arahan ketuankerana padahnya amat besar sekiranya hal ini berlaku.

3. Krisis keyakinan di kalangan umat Islam.

Perang Uhud telah menimbulkan krisis keyakinan di kalangan umat Islam yang tipis imannya mengenai mengapa tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. yang membawa agama allah gagal mengalahkan tentera musuh.

4.. Berhati-hati dengan golongan Munafik

Perang Uhud menyebabkan umat Islam lebih berhati-hati ketika berhadapan atau berurusan dengan orang munafik. Selain itu memberi gambaran mengenai sifat-sifat dan bahaya yang ditimbulkan oleh

golongan munafik.

5.. Orang Yahudi mula tidak menghormati Islam

Orang-orang Yahudi di Madinah mula tidak menghormati Islam dengan melanggar Piagam Madinah kerana mereka sangka Islam sudah lemah. Rasulullah telah bertindak menghalau Yahudi Bani Nadir dari kota Madinah kerana mengkhianati Sahifah Madinah dan usaha mereka untuk membunuh Nabi.

6. Semangat orang Quraisy pulih

Kaum Quraisy semakin bersemangat untuk mengalahkan orang Islam kerana percaya kekuatan Islam mula lumpuh.

7. Orang Quraisy sentiasa berusaha hancurkan Islam

Perang Uhud membuktikan kaum Quraisy sentiasa berazam untuk menghancurkan Islam.

Kesimpulan (2 markah)

Perang Uhud amat besar ertinya kepada umat Islam kerana perang ini merupakan satu pengajaran pahit untuk mereka.Mereka mula sedar kesilapan dan sentiasa bersedia menghadapi musuh secara bersama.Orang-orang Islam juga mula menyedari bahawa golongan Yahudi dan Munafik tidak boleh diharapkan dan dipercayai.Orang Islam juga menyedari bahawa musuh-musuh Islam akan sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan Islam dengan apa cara sekalipun.

15. Huraikan sejarah perkembangan dan peranan mata wang Islam pada zaman Khulafa' al-Rasyidin dan Kerajaan Bani Ummaiyyah.

Pendahuluan. (3 markah)

Konsep Mata wang

- Mata Wang ialah benda yang dipersetujuai oleh masyarakat sebagai alat perantara untuk menjalankan kegiatan pertukaran dan perdagangan. Ciri-ciri mudah dibawa ,mudah disimpan,tanpa mengurangkan nilainya, tahan lama,jumlahnya terhad, bahannya daripada mutu yang sama. Sejarah-kemunculanya kerana keperluan manusia kepada mata wang dan kesukaran sistem barter.

- Perkembangan mata wang Islam bermula di zaman Rasulullah lagi , Asas mata wang Islam berdasarkan berat timbangan satu dinar bersamaan setahil emas dan satu dirham setahil perak .Pada masa itu orang Islam tidak mempunyai matawang sendiri,kebanyakannya ditiru dan diubah suai dapada matawang asing seperti Rom (berbentuk dinar emas), Parsi (dirham perak) dan Yunani.

-Namun perkembangan matawang Islam dapat dilihat semasa pemerintahan khulafa' al Rasyidin. Usaha-usaha ke arah memiliki matawang sendiri dilaksanakan oleh khalifah-khalifah ini.

Isi Jawapan (21 markah)

A. Perkembangan mata wang Islam di zaman Khulafa' al-Rasyidin (7 markah)

-Di zaman Khulafa'al-Rasyidin sejarah pembentukan mata wang dikatakan bernula pada zaman Umar al-Khattab (634-644 M). Pada masa itu umat Islam mengadakan standardisi mata wang Perak dan Emas yang dikenali "nomisma". Terdapat tiga jenis mata wang yang digunakan. Dirham Bajli untuk umat Islam di wilayah Parsi seperti Iraq, Kufah, Hirah, Basrah. Dirham Rumi dari Rom digunakan di wilayah Islam yang ditakhluki dari jajahan Rom seperti Afrika Timur, Mesir dan kepulauan Mediterranean. Dirham Tabari dari Asia Tengah (digunakan oleh umat Islam di wilayah seperti Syria, Palestine, Constantinople dan sebagainya.

-Asas semua mata wang ini sama kadar dan nilainya bagi semua umat Islam di wilayah seperti Mesir, Syria, dan sebagainya pada masa ihu. Mata wang itu ditetapkan mengikut kadar piawaian 14 qirat atau 3.96 gram mengikut sukatan Yunani.

-Zaman Ali bin Abi Talib, baginda mengadakan pembaharuan dan pengubahsuaian mata wang Islam dengan memperkenalkan mata wang dirham yang ditulis dengan Khat Khafi. Mata wang pertama dikeluarkan pada tahun 660M di Kota Basrah. Sungguhpun begitu mata wang tersebut belum dapat diedarkan secara rasmi di seluruh wilayah Islam kerana kualiti rendah dan piawaiannya yang tidak lengkap.

B. Perkembangan Mata Wang Islam di Zaman Kerajaan Bani Umaiyyah (7 markah)

-Khalifah Bani Umaiyyah yang bertanggungjawab memperkenalkan mata wang baru Islam ialah Abdul Malik Bin Marwan (694-695M) di Damsyik. Beliau mencipta Dinar Emas dan Dirham Perak yang mempunyai unsur seni Arab-Islam.

-Penciptaan mata wang dilakukan juga oleh pegawainya. Antaranya oleh Gabenor di wilayah Iraq, al-Hajjaj Bin Yusof al-Thaqafi, mencipta mata wang Perak di Basrah. Manakala Gabenor Mesir adik Al-Malik, Abdul Aziz Bin Marwan menghasilkan Dinar Emas di Fustat berhampiran Mesir pada tahun 697M.

-Di zaman kerajaan Bani Umaiyyah,mata wang “fals” (tembaga) dihasilkan,pada tahun 763M di Damsyik. Mata wang ini sama ciri-cirinya dengan mata wang Dirham dan Dinar Emas seperti ukiran huruf Khat Khafi,nama Khalifah,tempat dikeluarkan.

C. Peranan mata wang dalam Islam. (7 markah)

1. Pembayaran zakat-zakat adalah wajib dibayar sebagaimana mengikut al-Quran (pembayaran tersebut boleh dibayar mengikut nilai mata wang) apabila cukup nisab dan sebagainya. Zakat terbahagi kepada pelbagai jenis, zakat wang simpanan,zakat perniagaan,emas,perak dan sebagainya.

2. Cukai- menentukan kadar dan bayaran cukai umat Islam dan bukan Islam seperti kadar cukai Jizyah, Khazraj, Usyur dan sebagainya.

3. Perbelanjaan- Zaman Khulafa’ al-Rasyidin dan Bani Ummaiyyah semua urusan perdagangan jual beli, hutang dan sebagainya menggunakan nilaian mata wang.

4. Belanjawan negara- setiap kerajaan Islam menggunakan nilaian mata wang bagi belanjawan tahunan spt gaji, elaun, simpanan baitul mal,cukai tahunan dan sebagainya.

5. Alat pertimbangan sosial- memelihara pertimbangan sosial dlm masyarakat. Dengan menggunakan mata wang menjamin keadilan sosial dlm mskt berbanding sistem barter.

6. Lambang Negara Islam- dengan menggunakan mata wang berunsur Islam. Seperti ayat-ayat al-Quran, nama sultan dan sebagainya sebagai bukti keislaman sesebuah negara.

Kesimpulan (1 markah)

-Mata wang merupakan sebahagian daripada ciri ketamadunan Islam.Penciptaan dan penggunaan mata wang Islam adalah bertujuan menjamin perimbangan sosial dengan tujuan menegakkan keadilan bagi seluruh manusia.

16. Huraikan peranan pusat pendidikan Islam awal di Alam Melayu.

Pendahuluan. (3 markah)

- Alam Melayu pada tahap awal penerimaan Islam masih terikat dengan asas pendidikan tidak formal yang berasaskan kepada pola kehidupan tradisional.

- Pendidikan lebih ditekankan kepada keperluan kehidupan semasa dan berkembang kepada pendidikan sebagai asas kehidupan.

- Asas permulaan pendidikan di alam Melayu adalah dengan mempelajari al-Quran dan juga hukum agama.

- Perkembangan pendidikan ini turut dimainkan oleh beberapa kerajaan Islam Melayu utama seperti Pasai, Acheh dan Melaka.

Isi Jawapan (20 markah)

A) Sistem pendidikan tidak formal (4markah)

1. Pendidikan awal di alam Melayu adalah tidak formal.

2. Ilmu diturunkan melalui proses pengalaman melalui kerja-kerja pertukangan dan pertanian. Anak lelaki akan mempelajari dengan cara mengikut orang tua dan ilmu dipelajari secara tidak langsung.

3. Seni mempertahankan juga dipelajari.

4. Anak perempuan diasuh dengan kerja-kerja berasaskan kepada pembentukan peribadi bersopan, lemah-lembut dan persediaan sebagai seorang suri rumah dan ibu. Mereka diasuh dengan pendidikan memasak. Mengemas rumah dan kerja-kerja kraf tangan.

B)Sistem pendidikan Islam secara formal. (4 x 4 markah = 16 markah)

1) Sistem sekolah pondok

-Sistem sekolah pondok merupakan tempat pembelajaran agama yang berasingan daripada petempatan masyarakat. Di sini pelajar akan diajar dengan ilmu agama secara aktif dan menghafal al-Quran secara insentif selama beberapa tahun. Lulusan sekolah pondok ini akan menjadi pendakwah Islam dan apabila kembali ke kampung masing-masing akan bertindak sebagai guru.

-Terdapat juga pelajar yang akan meneruskan pengajiannya ke sekolah pondok lainnya setelah tamat di sesebuah sekolah pondok untuk mendalami ilmu agama dengan guru lain.

-Kitab agama karangan tokoh Islam dan ulama digunakan sebagai bahan pendidikan.

-Sekolah pondok dapat dianggap sebagai sebuah sekolah berasrama pada waktu sekarang kerana dilengkapi dengan rumah murid, rumah guru agama, tempat beribadat dan tempat untuk menghadiri kuliah agama.

-Sistem sekolah pondok yang terawal di alam Melayu adalah di Perak yang dikenali sebagai Dayah dan yang terkenal seperti Dayah Cot Kuala.

-Di alam Melayu sekolah pondok dikenali dengan beberapa nama seperti di Tanah Melayu dan di selatan Thai dikenali dengan pondok, di Minangkabau dikenali sebagai surau, di Jawa dikenali sebagai pesantren, di Sulawesi dikenali sebagai pengajian, di Acheh dan Pasai dikenali sebagai dayah

2) Sistem pendidikan madrasah

-Perkembangan sistem pendidikan Islam di Alam Melayu berkembang dengan wujudnya madrasah.

-Pelajar masih dikekalkan dengan sistem pelajaran agama dan teras pendidikan adalah sebagai asas sebelum pelajar melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah.

-Madrasah terkenal adalah seperti madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam, Madrasah Iqbal di Singapura, Madrasah al-Ahmadiyah di Riau, Madrasah Muhammadiyah Melayu di Kelantan, Madrasah al-Mashur al-Islamiyyah di Pulau Pinang dan Madrasah Ma'ahad Mahmud di Kedah.

3) Pengajian Islam di Istana

-Peranan Istana sebagai pusat perbincangan pelbagai ilmu termasuk ilmu agama banyak disentuh di dalam kitab sastera Melayu, seperti sejarah Melayu.

-Kerja menyalin sastera asing telah dilakukan terutama terhadap kitab Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan Hikayat Iskandar Zulkarnain.

-Sultan Alauddin Riayat Shah, Sultan Melaka pernah menjadikan istana Melaka sebagai pusat pendidikan bukan sahaja kepada kerabat diraja tetapi juga kepada wakil di jajahan takluknya untuk mempelajari agama di istana Melaka.

-Sultan Mansur Syah juga telah menjemput ulama untuk ke istana bagi menyampaikan ajaran termasuk Tasawuf. Baginda sendiri telah memerintahkan agar kitab Darul Mazlum yang dibawa oleh Maulana Abu Bakar dari Jeddah dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan bagi memudahkan dibaca oleh golongan yang tidak memahami bahasa Arab.

4) Peranan masjid

-Masjid juga berperanan sebagai pusat kegiatan ilmu di Alam Melayu seperti yang terdapat di dalam catatan Ibn Battuta yang menjelaskan masjid di Pasai berperanan sebagai tempat pengajian pelbagai ilmu dan Sultan Pasai sendiri datang ke masjid untuk memperdalami ilmu agama.

5) Peranan rumah ulama

-Ulama turut menjadikan mereka sebagai tempat untuk menyampaikan pengajaran agama. Hal ini terbukti dalam sejarah Melayu apabila Sultan Mahmud Syah telah mendatangi rumah Maulana Yusuf untuk mempelajari agama.

Kesimpulan (2 markah)

-Sistem pendidikan awal Islam di Alam Melayu berkembang mengikut masa.

-Tahap awal pendidikan lebih bersifat tidak formal dengan pendidikan lebih didasarkan kepada pengalaman dan bersifat tradisional dengan lelaki akan belajar untuk menjadi seorang petani atau sebagai tukang sementara wanita pula persediaan sebagai suri rumahtangga.

-Pendidikan Islam di alam Melayu berkembang dengan kesedaran terhadap pentingnya penghayatan terhadap ajaran Islam sehingga wujud sistem pendidikan Islam berteraskan kepada sistem pondok, sistem madrasah, pengajian agama di Istana, dan peranan masjid yang bertindak sebagai pusat pengajian.